**9. Strategi 9 (策略九) : Sifat Sekutuan Dalam Penambahan (Ramuald, 2011)**

Strategi ini adalah berdasarkan sekutuan  $n + (m + r) = (n + m) + r$  di mana  $n+m$  adalah gandaan 10.

此方法是根据  $n + (m + r) = (n + m) + r$  的关联性， $n + m$  是 10 的倍数。

**Contoh 1 (例子 1) :  $84 + 46 = 130$**

- 1) Nombor pertama iaitu 84, perlu menambah 6 supaya menjadi nombor gandaan 10.  
第一个数目那就是 84，必须与 6 相加，以便能够得到 10 的倍数。
- 2) Dengan ini, 6 perlu diambil keluar daripada nombor kedua iaitu 46. Jadi, 46 dicerakinkan sebagai  $(6 + 40)$ .  
因此，6 必须从第二个数目那就是 46 里拿出来。所以，46 被分解为  $(6 + 40)$ 。
- 3) Kini,  $84 + 46$  dijadikan sebagai  $84 + (6 + 40)$ .

现在， $84 + 46$  变成  $84 + (6 + 40)$ 。

- 4) Untuk menjadikan nombor pertama sebagai nombor gandaan 10,  $84 + (6 + 40)$  ditulis sebagai  $(84 + 6) + 40$ . Selepas itu, penambahan diteruskan untuk mendapatkan jawapan.

为了让第一个数目成为 10 的倍数， $84 + (6 + 40)$  被写成  $(84 + 6) + 40$ 。之后，加法运算如常进行以得到最后的答案。

- 5) Jadi,  $84 + 46 = 130$ .

因此， $84 + 46 = 130$ 。

$$\begin{aligned} 84 + 46 \\ &= 84 + (6 + 40) \\ &= (84 + 6) + 40 \\ &= 90 + 40 \\ &= 130 \end{aligned}$$

**Contoh 2 (例子 2) :  $3960 + 155 = 4115$**

- 1) Nombor pertama iaitu 3960, perlu menambah 40 supaya menjadi nombor gandaan 10 iaitu 4000.

第一个数目那就是 3960，必须与 40 相加，以便能够获得 10 的倍数那就是 4000。

- 2) Dengan ini, 40 perlu diambil keluar daripada nombor kedua iaitu 155. Jadi, 155 dicerakinkan sebagai  $(40 + 115)$ .

因此，40 必须从第二个数目那就是 155 里拿出来。所以，155 被分解为  $(40 + 115)$ 。

- 3) Kini,  $3960 + 155$  dijadikan sebagai  $3960 + (40 + 115)$ .

现在， $3960 + 155$  变成  $3960 + (40 + 115)$ 。

- 4) Untuk menjadikan nombor pertama sebagai nombor gandaan 10,  $3960 + (40 + 115)$  ditulis sebagai  $(3960 + 40) + 115$ . Selepas itu, penambahan diteruskan untuk mendapatkan jawapan.

为了让第一个数目成为 10 的倍数， $3960 + (40 + 115)$  被写成  $(3960 + 40) + 115$ 。之后，加法运算如常进行以得到最后的答案。

- 5) Jadi,  $3960 + 155 = 4115$ .

因此， $3960 + 155 = 4115$ 。

$$\begin{aligned}
& 3960 + 155 \\
& = 3960 + (40 + 115) \\
& = (3960 + 40) + 115 \\
& = 4000 + 115 \\
& = 4115
\end{aligned}$$

**10. Strategi 10 (策略十) : Algoritma cerakinan (Jalani et al.,2012)**

Strategi ini mencerakinkan nombor-nombor dalam penambahan mengikut nilai digit. Berdasarkan nilai-nilai digit yang telah dicerakinkan, penambahan dilakukan antara nilai digit yang sama. Akhir sekali, tambahkan kesemua hasil tambah nilai digit untuk mendapatkan jawapan.

此方法把所要进行加法运算的数目进行数值分解。根据已被分解的数值，先算出同样位数数值的加法运算。最后，把所有位数数值的总和加起来，以得到最后的答案。

**Contoh 1 (例子 1) : 34 + 18 = 52**

- 1) Mula-mula, cerakinkan kedua-dua nombor tersebut berdasarkan nilai digit untuk dijadikan sebagai 30 + 4 bagi nombor 34 dan 10 + 8 bagi nombor 18.  
首先，先根据数值把那两个数目进行分解，所以 34 将变成 30+4，而 18 则将变成 10+8。
- 2) Kemudian, penambahan nilai digit puluh (30 + 10 = 40) dan penambahan nilai digit sa (4 + 8 = 12) dilakukan.  
然后，将两个十位数值加起来 (30 + 10 = 40) 及两个个位数值加起来 (4 + 8 = 12)。
- 3) Akhir sekali, tambahkan hasil tambah nilai digit puluh dan hasil tambah nilai digit sa, iaitu 40 + 12 = 52.  
最后，把刚才十位数值的总和与个位数值的总和加起来，那就是 40 + 12 = 52。
- 4) Jadi, 34 + 18 = 52  
因此，34 + 18 = 52。

$$\begin{array}{r}
34 \quad \longrightarrow \quad 30 + 4 \\
+ 18 \quad \longrightarrow \quad + 10 + 8 \\
\hline
\qquad \qquad \qquad 40 + 12 = \underline{\underline{52}}
\end{array}$$



**Contoh 2 (例子 2) :  $449 + 113 = 562$**

- 1) Mula-mula, cerakinkan kedua-dua nombor tersebut berdasarkan nilai digit untuk dijadikan sebagai  $400 + 40 + 9$  bagi nombor 449 dan  $100 + 10 + 3$  bagi nombor 113.  
首先，先根据数值把那两个数目进行分解，所以 449 将变成  $400 + 40 + 9$ ，而 113 则将变成  $100 + 10 + 3$ 。
- 2) Kemudian, penambahan nilai digit ratus ( $400 + 100 = 500$ ), penambahan nilai digit puluh ( $40 + 10 = 50$ ) dan penambahan nilai digit sa ( $9 + 3 = 12$ ) dilakukan.  
然后，将两个百位数值加起来 ( $400 + 100 = 500$ )，两个十位数值加起来 ( $40 + 10 = 50$ ) 及两个个位数值加起来 ( $9 + 3 = 12$ )。
- 3) Akhir sekali, tambahkan hasil tambah nilai digit ratus, hasil tambah nilai digit puluh dan hasil tambah nilai digit sa, iaitu  $500 + 50 + 12 = 562$ .  
最后，把刚才百位数值的总和，十位数值的总和与个位数值的总和加起来，那就是  $500 + 50 + 12 = 562$ 。
- 4) Jadi,  $449 + 113 = 562$ .  
因此， $449 + 113 = 562$ 。

$$\begin{array}{r} 449 \longrightarrow 400 + 40 + 9 \\ + 113 \longrightarrow + 100 + 10 + 3 \\ \hline \qquad \qquad \qquad 500 + 50 + 12 = \underline{\underline{562}} \end{array}$$


**11. Strategi 11 (策略十一) : Algoritma Kekisi (Schmidt, n.d.)**

Strategi ini merupakan satu daripada cara untuk membantu murid-murid yang lemah dalam pengumpulan semula semasa penambahan. Melalui strategi ini, lajur nilai tempat dibina terlebih dahulu seperti lajur sa, lajur puluh, lajur ratus dan lain-lain mengikut keperluan. Masukkan nombor-nombor dalam sesuatu penambahan ke dalam lajur nilai tempat tersebut. Kemudian, tambahkan nombor-nombor tersebut mengikut lajur. Pada ruangan jawapan, setiap ruangan nilai tempat dibahagikan kepada dua bahagian dengan menggunakan garisan pepenjuru. Berdasarkan hasil tambah bagi setiap lajur, digit sa diletakkan pada bahagian bawah dan digit puluh diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru. Akhir sekali, digit-digit nombor ditambah mengikut pepenjuru untuk mendapatkan hasilnya.

此方法能够帮助那些在进位加法上比较弱的学生。通过此方法，首先，根据需求把数位的空列画出来，例如，个位数空列，十位数空列，百位数空列等等。把加法运算里的数目放进数位的空列里。然后，根据数位把数目加起来。在答案的空格里，每个数位的空格将会画上一条对角线，以分成上和下两个部分。根据每个数位所得到的总和，个位数将会放在对角线的下面部分，而十位数则放在对角线的上面部分。最后，把对角的数字加起来，以得到最后的答案。

### Contoh 1 (例子 1) : $89 + 14 = 103$


- 1) Mula-mula, 9 dan 4 diletakkan dalam lajur sa manakala 8 dan 1 diletakkan dalam lajur puluh.  
首先, 把 9 和 4 放在个位空列里, 而 8 和 1 被放在十位的空列里。
- 2) Untuk penambahan pada lajur sa ( $9 + 4$ ), jawapan yang diperoleh adalah 13. Maka, pada ruangan jawapan, digit nombor sa, 3 diletakkan pada bahagian bawah dan digit nombor puluh, 1 diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru.  
在个位数的加法运算里 ( $9 + 4$ ), 所得到的总和是 13。因此, 在答案空格里, 个位数数字, 3 放在对角线的下面部分, 而十位数数字, 1 则放在对角线的上面部分。
- 3) Untuk penambahan pada lajur puluh ( $8 + 1$ ), jawapan yang diperoleh adalah 9. Maka digit nombor sa, 9 diletakkan pada bahagian bawah dan digit nombor puluh, 0 diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru.  
在十位数的加法运算里 ( $8 + 1$ ), 所得到的总和是 9。因此, 在答案空格里, 个位数数字, 9 放在对角线的下面部分, 而十位数数字, 0 则放在对角线的上面部分。
- 4) Akhir sekali, tambahkan digit nombor sepanjang garisan pepenjuru dan tuliskan hasil yang diperoleh pada bahagian bawah mengikut ruangan pepenjuru.  
最后, 沿着对角线把数字加起来, 并把总和写在在对角格下面。
- 5) Mengikut hasil yang diperoleh, ruang pepenjuru pertama iaitu ruang pada bahagian kanan memberi hasil tambah 3, maka 3 ialah nilai sa.  
根据所得到的和, 第一个对角格也就是左边的格子给予的和是 3, 因此 3 是个位数。
- 6) Seterusnya, pada ruang pepenjuru tengah iaitu ( $9+1$ ), hasil yang diperoleh adalah 10. Maka 10 ditulis pada bahagian bawah ruang pepenjuru tengah yang merupakan tempat puluh. Apabila hasil tambah yang diperoleh adalah 10 atau lebih daripada 10, tolak 10 dan bawa 1 ke hasil tambah ruang pepenjuru pada sebelah kirinya iaitu ruang ratus.  
接着, 在中间的对角格 ( $9+1$ ), 得到的和是 10。因此, 把 10 写在在对角格的下面也就是十位数。当得到的和是 10 或多过 10 时, 在该位置减 10 并在右边的对角格进一也就是在百位进一。
- 7) Jadi,  $89 + 14 = 103$ .  
因此,  $89 + 14 = 103$ 。



**Contoh 2 (例子 2) : 286 + 145 = 431**

- 1) Mula-mula, 6 dan 5 diletakkan dalam lajur sa, 8 dan 4 diletakkan dalam lajur puluh dan 2 dan 1 diletakkan dalam lajur ratus.  
 首先，把 6 和 5 放在个位空列里，8 和 4 被放在十位的空列里以及 2 和 1 被放在百位的空列里。
  
- 2) Untuk penambahan pada lajur sa (6 + 5), jawapan yang diperoleh adalah 11. Maka, pada ruangan jawapan, digit nombor sa, 1 diletakkan pada bahagian bawah dan digit nombor puluh, 1 diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru.  
 在个位数的加法运算里 (6 + 5)，所得到的总和是 11。因此，在答案空格里，个位数数字，1 放在对角线的下面部分，而十位数数字，1 则放在对角线的上面部分。
  
- 3) Untuk penambahan pada lajur puluh (8 + 4), jawapan yang diperoleh adalah 12. Maka digit nombor sa, 2 diletakkan pada bahagian bawah dan digit nombor puluh, 1 diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru.  
 在十位数的加法运算里 (8 + 4)，所得到的总和是 12。因此，在答案空格里，个位数数字，2 放在对角线的下面部分，而十位数数字，1 则放在对角线的上面部分。
  
- 4) Untuk penambahan pada lajur ratus (2 + 1), jawapan yang diperoleh adalah 3. Maka digit nombor sa, 3 diletakkan pada bahagian bawah dan digit nombor puluh, 0 diletakkan pada bahagian atas garisan pepenjuru.  
 在百位数的加法运算里 (2 + 1)，所得到的总和是 3。因此，在答案空格里，个位数数字，3 放在对角线的下面部分，而十位数数字，0 则放在对角线的上面部分。
  
- 5) Akhir sekali, tambahkan digit nombor sepanjang garisan pepenjuru dan tuliskan hasil yang diperoleh pada bahagian bawah mengikut ruangan pepenjuru.  
 最后，沿着对角线把数字加起来并把和数写在对角格下面。

- 6) Mengikuti hasil yang diperoleh, ruang pepenjur pertama iaitu ruang pada bahagian kanan memberi hasil tambah 1, maka 1 ialah nilai sa.  
根据所得到的和，第一个对角格也就是右边的格子给予的和是 1，因此 1 是个位数。
- 7) Seterusnya, pada ruang pepenjur sebelah kirinya iaitu (2+1), hasil yang diperoleh adalah 3. Maka 3 ditulis pada bahagian bawah ruang pepenjur kedua yang merupakan tempat puluh.  
接着，在接下来左边的对角格 (2+1)，得到的和是 3。因此，把 3 写在对角格的下面也就是十位数。
- 8) Pada ruang pepejuru sebelah kiri seterusnya iaitu (3+1), hasil yang diperoleh adalah 4. Maka 4 ditulis pada bahagian bawah ruang pepenjur ketiga yang merupakan tempat ratus.  
在接下来左边的对角格 (3+1)，得到的和是 4。因此，把 4 写在对角格的下面也就是百位数。
- 9) Jadi,  $286 + 145 = 431$ .  
因此， $286 + 145 = 431$ 。



## 12. Strategi 12 (策略十二) : Algoritma Separa (Bakhtiar, 2012)

Strategi ini membuat penambahan mengikut nilai-nilai digit terlebih dahulu, iaitu dimulakan dengan penambahan nilai digit sa, diikuti dengan penambahan nilai digit puluh, penambahan nilai digit ratus dan seterusnya tanpa mencerakinkan nombor-nombor tersebut. Kemudian, tambahkan hasil-hasil penambahan yang telah dilakukan itu untuk mendapatkan hasil tambah bagi nombor-nombor yang telah diberikan.

此方法是根据数目的数值进行加法运算，在不需要把此两个数目分解的条件下，先算出个位数值总和，接着到十位数值总和，再到百位数值总和，依此类推。然后再把所得到的总和加起来，以得到所给予数目的总数。

**Contoh 1 (例子 1) :  $49 + 23 = 72$**

- 1) Mula-mula, tambahkan nilai-nilai digit sa ( $9 + 3 = 12$ ), kemudian diikuti dengan penambahan nilai-nilai digit puluh ( $40 + 20 = 60$ ).  
首先, 先把个位数值加起来 ( $9 + 3 = 12$ ), 再把十位数值加起来 ( $40 + 20 = 60$ )。
- 2) Tambahkan hasil tambah nilai-nilai digit sa dan nilai-nilai digit puluh, iaitu  $12 + 60 = 72$ .  
把个位数值的总和及十位数值的总和加起来, 那就是  $12 + 60 = 72$ 。
- 3) Jadi,  $49 + 23 = 72$ .  
因此,  $49 + 23 = 72$ 。

$$\begin{array}{r} 49 \\ + 23 \\ \hline 12 \\ + 60 \\ \hline 72 \end{array} \quad \begin{array}{l} \longrightarrow 9 + 3 \\ \longrightarrow 40 + 20 \end{array}$$

**Contoh 2 (例子 2) :  $761 + 218 = 979$**

- 1) Mula-mula, tambahkan nilai-nilai digit sa ( $1 + 8 = 9$ ), kemudian diikuti dengan penambahan nilai-nilai digit puluh ( $60 + 10 = 70$ ) dan seterusnya penambahan nilai-nilai digit ratus ( $700 + 200 = 900$ ).  
首先, 先把个位数值加起来 ( $1 + 8 = 9$ ), 然后把十位数值加起来 ( $60 + 10 = 70$ ), 再把百位数值加起来 ( $700 + 200 = 900$ )。
- 2) Tambahkan hasil tambah nilai-nilai digit sa, nilai-nilai digit puluh dan nilai-nilai digit ratus, iaitu  $9 + 70 + 900 = 979$ .  
把个位数值的总和, 十位数值的总和及百位数值的总和加起来, 那就是  $9 + 70 + 900 = 979$ 。
- 3) Jadi,  $761 + 218 = 979$ .  
因此,  $761 + 218 = 979$ 。

$$\begin{array}{r} 761 \\ + 218 \\ \hline 9 \\ 70 \\ + 900 \\ \hline 979 \end{array} \quad \begin{array}{l} \longrightarrow 8 + 1 \\ \longrightarrow 60 + 10 \\ \longrightarrow 700 + 200 \end{array}$$



### 13. Strategi 13 (策略十三) : Penambahan dengan melukis lidi ( Diubah suai dari Nur Shaliza, 2009)

Strategi ini lebih sesuai digunakan terhadap murid-murid yang agak lemah dalam penambahan yang melibatkan pengumpulan semula. Melalui strategi ini, lidi-lidi dilukis untuk mewakili digit-digit pada suatu nilai tempat. Apabila 10 lidi dipotong, ini bermakna pengumpulan semula akan dilakukan dengan membawa 1 ke nilai tempat yang seterusnya, manakala bilangan lidi yang tidak dipotong merupakan nombor yang diperolehi pada nilai tempat tersebut.

此方法比较适合用于进位加法较弱的学生。通过这个方法，把枝条画出来以代表各数位里的数字。当 10 枝的枝条被割后，这意味着我们必须进 1 到下一个数位里，而剩下的枝条数量，就是此数位里所得到的数目。

#### Contoh 1 (例子 1) : $25 + 16 = 41$

- 1) Mula-mula, berdasarkan digit-digit pada nilai tempat sa dan nilai tempat puluh, wakilkannya dengan melukis lidi.  
首先，根据个位和十位的数字画出枝条的数量。
- 2) Pada nilai tempat sa, digit sa untuk nombor pertama, 25 adalah 5, jadi 5 lidi dilukis. Digit sa untuk nombor kedua, 16 adalah 6, jadi 6 lidi dilukis.  
在个位里，第一个数目，25 的个位数是 5，所以将 5 枝枝条画出来。第二个数目，16 在个位数是 6，所以将 6 枝枝条画出来。
- 3) Pada nilai tempat puluh, digit puluh untuk nombor pertama, 25 adalah 2, jadi 2 lidi dilukis. Digit puluh untuk nombor kedua, 16 adalah 6, jadi 6 lidi dilukis.  
在十位里，第一个数目，25 的十位数是 2，所以将 2 枝枝条画出来。第二个数目，16 在十位数是 1，所以将 1 枝枝条画出来。
- 4) Penambahan dimulakan pada nilai tempat sa. Oleh sebab jumlah bilangan lidi yang dilukis pada nilai tempat sa adalah melebihi 10, maka, potong lidi-lidi yang dilukis sebanyak 10 batang sahaja. Setelah memotong 10 batang lidi, terdapat 1 lidi tanpa dipotong. Jadi digit yang diperolehi pada nilai tempat sa adalah 1 dan membawa 1 ke nilai tempat puluh.  
加法运算从个位开始。由于个位上所画出的枝条数量超过 10，所以把其中 10 枝的枝条割掉。当 10 枝枝条被割掉后，有 1 枝枝条没被割。因此，个位所得到的数字是 1，并进位 1 至十位。
- 5) Seterusnya adalah penambahan pada nilai tempat puluh. Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat sa, jadi 1 lagi lidi dilukis pada nilai tempat puluh. Berdasarkan bilangan lidi yang telah dilukis, hanya terdapat 4 batang lidi pada nilai tempat puluh. Oleh itu, digit yang diperolehi pada nilai tempat puluh adalah 4.  
到了十位，由于 1 已经从个位进位过来，所以再把 1 枝枝条画在十位里。根据所画出的枝条数量，总共只有 4 枝枝条。因此，十位数是 4。
- 6) Jadi,  $25 + 16 = 41$ .  
因此， $25 + 16 = 41$ 。

Puluh 十位数值	Sa 个位数值
2 →    1 →   1 →	5 →  6 →  (bawa 1 ke puluh)
Bilangan lidi tanpa dipotong 没被割的串枝数量 =      = 4	Bilangan lidi tanpa dipotong 没被割的串枝数量 =   = 1



$$\begin{array}{r}
 \overset{1}{2} \ 5 \\
 + \ 1 \ 6 \\
 \hline
 4 \ 1
 \end{array}$$

**Contoh 2 (例子 2) : 156 + 464 = 620**

- 1) Mula-mula, berdasarkan digit-digit pada nilai tempat sa, nilai tempat puluh dan nilai tempat ratus, wakilkannya dengan melukis lidi.  
 首先，根据个位，十位和百位的数字画出枝条的数量。
- 2) Pada nilai tempat sa, digit sa untuk nombor pertama, 156 adalah 6, jadi 6 lidi dilukis. Digit sa untuk nombor kedua, 464 adalah 4, jadi 4 lidi dilukis.  
 在个位里，第一个数目，156 的个位数是 6，所以将 6 枝枝条画出来。第二个数目，464 在个位数是 4，所以将 4 枝枝条画出来。
- 3) Pada nilai tempat puluh, digit puluh untuk nombor pertama, 156 adalah 5, jadi 5 lidi dilukis. Digit puluh untuk nombor kedua, 464 adalah 6, jadi 6 lidi dilukis.

在十位里，第一个数目，156 的十位数是 5，所以将 5 枝枝条画出来。第二个数目，464 在十位数是 6，所以将 6 枝枝条画出来。

- 4) Pada nilai tempat ratus, digit ratus untuk nombor pertama, 156 adalah 1, jadi 1 lidi dilukis. Digit ratus untuk nombor kedua, 464 adalah 4, jadi 4 lidi dilukis.

在百位里，第一个数目，156 的百位数是 1，所以将 1 枝枝条画出来。第二的数目，464 在百位数是 4，所以将 4 枝枝条画出来。

- 5) Penambahan dimulakan pada nilai tempat sa. Oleh sebab jumlah bilangan lidi yang dilukis pada nilai tempat sa adalah melebihi 10, maka, potong lidi-lidi yang dilukis sebanyak 10 batang sahaja. Setelah memotong 10 batang lidi, tiada sebarang lidi yang tinggal. Jadi digit yang diperoleh pada nilai tempat sa adalah 1 dan membawa 1 ke nilai tempat puluh.

加法运算从个位数开始。由于个位上所画出的枝条数量是 10，所以把 10 枝的枝条割掉。当 10 枝枝条被割掉后，并没有枝条没被割。因此，个位数是 0，并进位 1 至十位数。

- 6) Seterusnya adalah penambahan pada nilai tempat puluh. Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat sa, jadi 1 lagi lidi dilukis pada nilai tempat puluh. Jumlah bilangan lidi yang dilukis pada nilai tempat puluh adalah melebihi 10, maka, potong lidi-lidi yang dilukis sebanyak 10 batang sahaja. Setelah memotong 10 batang lidi, terdapat 2 lidi tanpa dipotong. Jadi digit yang diperoleh pada nilai tempat puluh adalah 2 dan membawa 1 ke nilai tempat ratus.

到了十位，由于 1 已经从个位进位过来，所以再把 1 枝枝条画在十位里。这时，十位上所画出的串枝数量超过 10，所以把其中 10 枝的枝条割掉。当 10 枝串枝被割掉后，有 2 枝枝条没被割。因此，十位数是 2，并进位 1 至百位数。





- 7) Akhir sekali, pada nilai tempat ratus, Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat puluh, jadi 1 lagi lidi dilukis pada nilai tempat ratus. Berdasarkan bilangan lidi yang telah dilukis, hanya terdapat 6 batang lidi pada nilai tempat ratus. Oleh itu, digit yang diperoleh pada nilai tempat ratus adalah 6.

最后，到了百位，由于 1 已经从个位进位过来，所以再把 1 枝枝条画在百位里。根据枝条的数量，总共只有 6 枝枝条。因此，百位数是 6。

- 8) Jadi,  $156 + 464 = 620$ .

因此， $156 + 464 = 620$ 。



Ratus 百位	Puluh 十位	Sa 个位
1 →   4 →      1 →	5 →  6 →  (bawa 1 ke ratus) 1 →	6 →  4 →  (bawa 1 ke puluh)
Bilangan lidi tanpa dipotong 没被割的串枝数量 =       = 6	Bilangan lidi tanpa dipotong 没被割的串枝数量 =    = 2	Bilangan lidi tanpa dipotong 没被割的串枝数量 = 0



$$\begin{array}{r}
 \begin{array}{ccc}
 & 1 & 1 \\
 & 1 & 5 & 6 \\
 + & 4 & 6 & 4 \\
 \hline
 & 6 & 2 & 0
 \end{array}
 \end{array}$$

#### 14. Strategi 14: Penggunaan abakus (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012)




##### 策略 14: 珠算盘的运用

Strategi ini menggunakan manik-manik yang terdapat pada abakus untuk melakukan penambahan. Terdapat empat jenis penambahan melalui penggunaan abakus, iaitu penambahan terus, penambahan melibatkan kombinasi 5 dan penambahan melibatkan kombinasi 10 dan penambahan melibatkan gabungan kombinasi.

此方法通过珠算盘上的珠子来进行加法的运算。通过珠算盘的运用，共有四种形式的加法，那就是直接加法、凑 5 加法、凑 10 加法及综合加法。

**Penambahan terus**  
直接加法

**Contoh 1 (例子 1) :  $12 + 6 = 18$**






Mula-mula, naik 12  
首先, 拨上 12

Tambah 6,  
naik 6 pada tiang sa  
加 6,  
于个位杆上 6

Jawapan 18  
答案 18

**Contoh 2 (例子 2) :  $123 + 55 = 178$**




Mula-mula, naik 123  
首先, 拨上 123

Tambah 55,  
naik 5 pada tiang puluh,  
naik 5 pada tiang sa  
加 55, 于十位杆上 5,  
于个位杆上 5


Jawapan 178  
答案 178

**Penambahan melibatkan kombinasi 5**  
 湊 5 加法


**Contoh 1 (例子 1) :  $32 + 14 = 46$**




Mula-mula, naik 32  
 首先, 拔上 32



Tambah 14,  
 naik 1 pada tiang puluh,  
 naik 4 pada tiang sa,  
 tetapi manik bawah tiang  
 sa tidak mencukupi.  
 加 14, 于十位杆上 1, 于  
 个位杆上 4, 可是个位杆  
 下段的珠子不够。




Kawan Kecil bagi 4  
 ialah 1.  
 Oleh itu, naik 5 turun 1  
 4 的小朋友是 1。因  
 此, 上 5 去 1




Jawapan 46  
 答案 46

Contoh 2 (例子 2) :  $612 + 243 = 855$




Mula-mula, naik 612  
首先，拔上 612




Tambah 243,  
naik 2 pada tiang ratus,  
naik 4 pada tiang puluh,  
naik 3 pada tiang sa,  
tetapi manik bawah tiang puluh  
dan sa tidak mencukupi

加 243，于百位杆上 2，于十位杆上 4，于个位杆上 3，可是十位和个位杆下段的珠子不够。



Pada tiang puluh, Kawan Kecil bagi 4 ialah 1. Oleh itu, naik 5 turun 1.  
Pada tiang sa, Kawan Kecil bagi 3 ialah 2. Oleh itu, naik 5 turun 2


在十位杆，4 的小朋友是 1。  
因此，上 5 去 1。  
在个位杆，3 的小朋友是 2，  
因此，上 5 去 2。




Jawapan 855  
答案 855

**Penambahan melibatkan kombinasi 10**  
 湊 10 加法

**Contoh 1 (例子 1) :  $45 + 62 = 107$**




Mula-mula, naik 45  
 首先, 拨上 45




Tambah 62,  
 naik 6 pada tiang puluh, tetapi  
 manik tidak mencukupi pada  
 tiang puluh  
 Kawan Besar bagi 6 adalah 4.  
 Oleh itu, turun 4, bawa 1 pada  
 tiang ratus

加 62, 于十位杆上 6, 可是十  
 位杆的珠子不够。  
 6 的大朋友是 4。因此, 去 4,  
 进 1 到百位杆。




Naik 2 pada tiang sa  
 于个位杆上 2




Jawapan 107  
 答案 107


Contoh 2 (例子 2) :  $594 + 217 = 811$




Mula-mula, naik 594  
首先, 拨上 594




Tambah 217, naik 2  
pada tiang ratus  
加 217, 于百位杆上 2



Naik 1 pada tiang puluh, tetapi  
manik tidak mencukupi.  
Kawan Besar bagi 1 adalah 9.  
Oleh itu, turun 9, bawa 1 pada  
tiang ratus  
于十位杆上 1, 可是珠子不够。  
1 的大朋友是 9。因此, 下 9, 进  
1 到百位杆




Naik 7 pada tiang sa, tetapi  
manik tidak mencukupi.  
Kawan Besar bagi 7 adalah 3.  
Oleh itu, turun 3, bawa 1 pada  
tiang puluh  
于个位杆上 7, 可是珠子不够。  
7 的大朋友是 3。因此, 下 3,  
进 1 到十位杆




Jawapan 811  
答案 811

**Penambahan melibatkan gabungan kombinasi**  
综合加法


**Contoh 1 (例子 1) :  $25 + 9 = 34$**




Mula-mula, naik 25  
首先, 拔上 25



Tambah 9, naik 9 pada tiang sa, tetapi manik tidak mencukupi.  
Kawan Besar bagi 9 adalah 1. Turun 1 pada tiang sa, tetapi manik tidak mencukupi.  
加 9, 于个位杆上 9, 可是珠子不够。  
9 的大朋友是 1。于个位杆下 1, 可是珠子不够。




Kawan Kecil bagi 1 adalah 4.  
Jadi, naik 4, turun 5 pada tiang sa, dan bawa 1 pada tiang puluh  
1 的小朋友是 4。因此, 于个位杆上 4 下 5, 然后进 1 到十位杆




Jawapan 34  
答案 34


Contoh 2 (例子 2) :  $666 + 27 = 693$



Mula-mula, naik 666  
首先, 拨上 666




Tambah 27,  
naik 2 pada tiang ratus  
加 27, 于百位杆上 2




Naik 7 pada tiang sa, tetapi manik tidak mencukupi.  
Kawan Besar bagi 7 adalah 3.  
Turun 3 pada tiang sa, tetapi manik tidak mencukupi.  
于个位杆上 7, 可是珠子不够。  
7 的大朋友是 3。因此, 于个位杆去 3, 可是珠子不够





Kawan Kecil bagi 3 adalah 2.  
Jadi, naik 2, turun 5 pada  
tiang sa, dan bawa 1 pada  
tiang puluh

3 的小朋友是 2。因此，于个  
位杆上 2 去 5，然后进 1 到十  
位杆。



Jawapan 693  
答案 693

### 15. Strategi 15 (策略十五) : Algoritma Standard (Jalani *et al.*,2012)

Strategi ini adalah cara yang paling umum untuk penambahan. Dalam strategi ini, dengan menggunakan bentuk lazim, terdapat dua jenis penambahan, iaitu penambahan terus dan penambahan yang melibatkan pengumpulan semula. Semasa melakukan penambahan, penambahan mestilah dilakukan dari kanan ke kiri, iaitu bermula dengan nilai tempat sa, diikuti dengan nilai tempat puluh dan seterusnya nilai tempat ratus dan seterusnya.

此方法是加法运算里最普遍的运算方法。在这方法里，分别有两种加法运算，那就是直接加法与进位加法。当进行加法运算时，必须从右到左，那就是先从个位开始相加，接着十位，然后是百位。

**Penambahan terus (直接加法) :**

**Contoh 1 (例子 1) :  $61 + 32 = 93$**

- 1) Penambahan dimulakan dengan penambahan digit pada nilai tempat sa, iaitu  $1 + 2 = 3$ . 3 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat sa.  
加法运算从个位数的数字相加开始，那就是  $1 + 2 = 3$ 。把 3 写在答案空格里的个位。
- 2) Seterusnya, penambahan digit pada nilai tempat puluh dilakukan, iaitu  $6 + 3 = 9$ . 9 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat puluh.  
接着，再把十位数的数字相加，那就是  $6 + 3 = 9$ 。把 9 写在答案空格里的十位。

- 3) Jadi,  $61 + 32 = 93$ .  
因此,  $61 + 32 = 93$ 。

$$\begin{array}{r} 61 \\ + 32 \\ \hline 93 \end{array}$$

**Contoh 2 (例子 2) :  $546 + 251 = 797$**

- 1) Penambahan dimulakan dengan penambahan digit pada nilai tempat sa, iaitu  $6 + 1 = 7$ . 7 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat sa.  
加法运算从个位数的数字相加开始, 那就是  $6 + 1 = 7$ 。把 7 写在答案空格里的个位。
- 2) Seterusnya, penambahan digit pada nilai tempat puluh dilakukan, iaitu  $4 + 5 = 9$ . 9 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat puluh.  
接着, 把十位的数字相加, 那就是  $4 + 5 = 9$ 。把 9 写在答案空格里的十位。
- 3) Kemudian, penambahan digit pada nilai tempat ratus dilakukan, iaitu  $5 + 2 = 7$ . 7 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat ratus.  
然后, 再把百位的数字相加, 那就是  $5 + 2 = 7$ 。把 7 写在答案空格里的百位。
- 4) Jadi,  $546 + 251 = 797$ .  
因此,  $546 + 251 = 797$ 。

$$\begin{array}{r} 546 \\ + 251 \\ \hline 797 \end{array}$$

**Penambahan melibatkan pengumpulan semula (进位加法) :**

**Contoh 1 (例子 1) :  $53 + 28 = 81$**

- 1) Penambahan dimulakan dengan penambahan digit pada nilai tempat sa, iaitu  $3 + 8 = 11$ . Tuliskan 1 di ruangan jawapan pada nilai tempat sa dan bawa 1 pada nilai tempat puluh.  
加法运算从个位的数字相加开始, 那就是  $3 + 8 = 11$ 。先把 1 写在答案空格里的个位, 然后进 1 到十位。
- 2) Seterusnya, penambahan digit pada nilai tempat puluh dilakukan, iaitu  $5 + 2 = 7$ . Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat sa, tambahkan 7 dengan 1. Jadi,  $7 + 1 = 8$ . 8 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat puluh.

接着，把十位的数字相加，那就是  $5 + 2 = 7$ 。由于 1 从个位数进位到十位数，把 7 和 1 相加。所以， $7 + 1 = 8$ 。把 8 写在答案空格里的十位数。

- 3) Jadi,  $53 + 28 = 81$ .  
因此， $53 + 28 = 81$ 。

$$\begin{array}{r} 1 \\ 53 \\ + 28 \\ \hline 81 \end{array}$$

**Contoh 2 (例子 2) :  $368 + 172 = 540$**

- 1) Penambahan dimulakan dengan penambahan digit pada nilai tempat sa, iaitu  $8 + 2 = 10$ . Tuliskan 0 di ruangan jawapan pada nilai tempat sa dan bawa 1 pada nilai tempat puluh.  
加法运算从个位数的数字相加开始，那就是  $8 + 2 = 10$ 。先把 0 写在答案空格里的个位数，然后进 1 到十位数。
- 2) Seterusnya, penambahan digit pada nilai tempat puluh dilakukan, iaitu  $6 + 7 = 13$ . Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat sa, tambahkan 13 dengan 1. Jadi,  $13 + 1 = 14$ . Tuliskan 4 di ruangan jawapan pada nilai tempat puluh dan bawa 1 pada nilai tempat ratus.  
接着，把十位数的数字相加，那就是  $6 + 7 = 13$ 。由于 1 从个位数进位到十位数，把 13 和 1 相加。所以， $13 + 1 = 14$ 。先把 4 写在答案空格里的十位数，然后进 1 到百位数。
- 4) Kemudian, penambahan digit pada nilai tempat ratus dilakukan, iaitu  $3 + 1 = 4$ . Oleh sebab 1 telah dibawa daripada nilai tempat puluh, tambahkan 4 dengan 1. Jadi,  $4 + 1 = 5$ . 5 ditulis di ruangan jawapan pada nilai tempat ratus  
然后，再把十位数的数字相加，那就是  $3 + 1 = 4$ 。由于 1 从十位数进位到百位数，把 4 和 1 相加。所以， $4 + 1 = 5$ 。把 5 写在答案空格里的百位数。
- 3) Jadi,  $368 + 172 = 540$ .  
因此， $368 + 172 = 540$ 。

$$\begin{array}{r} 1\ 1 \\ 368 \\ + 172 \\ \hline 540 \end{array}$$

### 1.3 Soalan-soalan Berelemen KBAT

#### 高层次思维技能题目

1.  $75 + \square = 91$

Tuliskan nombor yang sesuai dalam ruang yang disediakan. Seterusnya, gunakan nombor tersebut pada ruang pertama untuk operasi di bawah serta dapatkan nombor yang sesuai untuk ruang kedua dan ketiga.

把合适的号码填入空格内。接着，把该号码应用在以下运算的第一格内并找出第二格及第三格内适合的号码。

$$\square + ( \quad ) + ( \quad ) = 41$$

2. Ali mempunyai 3 biji dadu. Selepas membaling dadu tersebut, nombor yang diperoleh adalah 4, 5, dan 6. Ali menyusun nombor-nombor yang diperoleh menjadi dua nombor tiga digit. Bagaimanakah Ali menyusun nombor-nombor tersebut supaya penambahan dua nombor tiga digit mempunyai hasil tambah sebagai nombor genap dalam lingkungan 900-1100.

阿里有 3 颗骰子。他投出三颗骰子，所得到的号码分别是 4, 5 和 6。接着，阿里把这三个号码组成两组三位数的号码。请问阿里要如何排列这两组三位数的号码，以便这两个三位数号码的总和能够得到 900 - 1100 以内的双数号码呢？

3. Pada satu permainan batu seremban, pemain pertama yang memperoleh 20 mata dikira menang. Dalam permainan ini, Siti telah menang dalam pusingan ke-5. Sekiranya Siti memperoleh mata yang sekurang-kurangnya 2 dan tidak melebihi 5 sepanjang permainan tersebut. Senaraikan mata yang mungkin diperoleh oleh Siti dalam setiap pusingan untuk memperoleh mata sebanyak 20 dalam 5 pusingan.


在一个七粒石子的游戏里，第一位获得 20 分的玩家就是胜利者。在这游戏里，西蒂只用了第五回合就赢了。若西蒂获得最多的分数是 5 分及最少的分数是 2 分，请列出西蒂在每一个回合所可能得到的分数，以便能够在 5 个回合里获得 20 分。

4. Sempena Hari Keluarga, Ah Seng bercadang untuk membeli botol minuman tupperware untuk menghadahi setiap orang daripada ahli keluarganya termasuk dirinya. Setelah Ah Seng berkunjung ke kedai Tupperware, dia mendapati bahawa botol air bersaiz 1 liter berharga RM24, botol air bersaiz 1.5 liter berharga RM46 dan botol air bersaiz 2 liter berharga RM62. Ah Seng ingin membeli kesemua jenis botol air tersebut. Sekiranya Ah Seng mempunyai wang sebanyak RM230, berapakah bilangan botol air yang dapat dibeli olehnya untuk setiap jenis botol air tersebut supaya dia dapat membeli menggunakan wangnya semaksimum yang mungkin?

为了庆祝即将来临的家庭节，亚盛想要买 Tupperware 品牌的瓶子送给他的家人，包括他自己。当亚盛到 Tupperware 品牌专卖店时，他发现一个 1 公升瓶子的价钱是 RM24，一个 1.5 公

升瓶子的价钱是 RM46，而一个 2 公升瓶子的价钱是 RM62。亚盛想要买这三种瓶子。如果亚盛身上有 RM230，请问他每种瓶子所能够买的数量是多少，以便能够用到最多的钱？

5.



Pada cuti persekolahan, Chong Ling ingin pergi ke zoo untuk menimba ilmu pengetahuannya terhadap jenis-jenis binatang. Sebelum Chong Ling bertolak dari rumahnya, dia ingin mendapatkan jalan yang paling ringkas untuk sampai ke zoo supaya dapat menjimatkan masanya. Berdasarkan peta di atas, dapatkan laluan jalan yang membolehkan Chong Ling sampai ke zoo dalam masa yang paling singkat.

在学校假期的某一天，忠灵想要到动物园里参观，以增广对于不同类型动物的认识。出发前，他想要知道从他家到动物园最短的路程是哪一条路，以便能够节省时间。根据以上的图表，请找出哪条路线能够帮助忠灵以最短的时间到达动物园。

6. Setelah membeli belah di pasaraya, terdapat 6 barang yang telah dibeli oleh Peter iaitu sebotol minyak, sebungkus beras, sebungkus serbuk pencuci, sebuah rak buku, sekotak air mineral dan sekotak kertas A4. Berat bagi barang-barang tersebut masing-masing adalah 10kg, 15kg, 8kg, 15kg, 7kg dan 10kg. Peter ingin mengangkut kesemua barang tersebut ke keretanya, namun dia hanya mampu untuk mengangkut berat maksimum sebanyak 25kg. Jadi, berapa kalikah perjalanan ulang-alik minimum yang diperlukan oleh Peter untuk mengangkut kesemua barang-barang tersebut ke keretanya?

在某一间超级市场逛了之后，彼得买了共六种物品，那就是一桶食油、一包白米、一包洗衣粉、一个书架、一箱矿泉水及一箱 A4 白纸。这六种物品的重量分别是 10kg、15kg、8kg、15kg、7kg 和 10kg。彼得想要把所有的物品搬到他的车子里，然而，他每一次只能拿起最多 25kg 的物品而已。请问彼得最少必须来回几次，才能够把所有的物品搬到他车子里呢？

7. Sempena sambutan hari kemerdekaan, pihak sekolah SJK(C) Chung Hwa bercadang untuk mengantung bendera-bendera kecil sebagai hiasan di sekolah tersebut. Untuk menjimatkan kos, pihak sekolah membuat keputusan bahawa jumlah bendera kecil yang digantung tidak lebih daripada 4000, tetapi perlu sekurang-kurangnya 3920. Berikutan dengan keputusan

tersebut, pihak sekolah menetapkan bahawa bilangan bendera kecil yang perlu digantung untuk bendera Jalur Gemilang adalah melebihi 2000 dan bendera negeri Sarawak yang tidak melebihi 2000. Jadi, berapakah bendera kecil untuk Jalur Gemilang dan bendera Negeri Sarawak yang boleh digantung untuk memenuhi syarat-syarat tersebut.

适逢国庆日的到来, 中华小学的校方计划在学校范围挂上小旗子。为了节省开销, 校方决定所要挂上的小旗子必须不超过 4000 个, 可是却必须最少 3920 个。随着这项决定, 校方指定所要挂上的国旗小旗子必须超过 2000 个, 而所要挂上的砂拉越州旗小旗子则必须不超过 2000。请问共有多少个国旗小旗子和砂拉越的州旗小旗子能够被挂上, 以便能够符合这些条件?

8. Pada suatu hari, terdapat tiga orang rakan iaitu Ali, Muthu dan Xiao Hong berpakat untuk menyewa sebuah kereta untuk sampai ke destinasi masing-masing. Jadi, mereka telah berbincang untuk menentukan bayaran yang perlu dibayar oleh setiap orang supaya bayaran tersebut adalah munasabah berdasarkan destinasi mereka. Setelah mereka memulakan perjalanan mereka dari sekolah, Ali turun terlebih dahulu di sebuah kedai kasut, kemudian diikuti dengan Muthu yang turun di sebuah kedai buku dan akhir sekali adalah Xiao Hong yang turun di sebuah pasaraya. Xiao Hong telah membayar untuk pihak Ali, Muthu dan dirinya sendiri, iaitu RM72 secara keseluruhan. Sekiranya jarak antara setiap destinasi mengikut urutan dalam perjalanan tersebut adalah sama, berapakah tambang yang perlu dibayar oleh setiap orang daripada mereka supaya bayaran tersebut adalah munasabah?

一天, 阿里、木都和小宏三位朋友合租一辆车, 以到达各自的目的地。大家商定租车的车费一定要根据各自的目的地合理分担。当他们从学校出发后, 阿里先在一间鞋店下了车, 接着再轮到木都在一间书店也下了车, 最后则是小宏则在超级市场下车。小宏先帮所有人付钱, 总共付了 RM72。若每个根据顺序的目的地的距离是一样的, 请问他们每个人所要付的车费是多少, 以便所付的车费是合理的?

**Jawapan (答案) :**

Bahagian 1.3:

1.  $75 + \boxed{16} = 91$

$$16 + (20) + (5) = 41$$

atau  
或

$$16 + (19) + (6) = 41$$

atau  
或

$$16 + (18) + (7) = 41$$

dan mana-mana jawapan yang sesuai  
及任何合适的答案

2.  $456 + 456 = 912$

atau  
或

$$465 + 465 = 930$$

atau  
或

$$546 + 456 = 1002$$

dan lain-lain jawapan yang sesuai  
及其它合适的答案

3. 5, 5, 4, 3, 3 atau 5, 5, 5, 3, 2 atau 5, 4, 4, 4, 3 dan lain-lain  
5, 5, 4, 3, 3 或 5, 5, 5, 3, 2 或 5, 4, 4, 4, 3 及其它。

4.  $RM24 + RM24 + RM24 + RM46 + RM46 + RM62 = RM226$

Bilangan botol air yang dapat dibeli oleh Ah Seng untuk setiap jenis botol air tersebut adalah tiga botol air bersaiz 1 liter, dua botol air bersaiz 1.5 liter dan 1 botol air bersaiz 2 liter supaya dapat menggunakan wangnya semaksimum yang mungkin.

亚盛每种瓶子所能够买的数量是三个 1 公升瓶子，两个 1.5 公升瓶子及一个 2 公升瓶子，以便能够用到最多的钱。

5. Rumah – Balai Polis – Kedai Runcit – Zoo

家 - 警察局 - 杂货店 - 动物园

$$= 10\text{km} + 4\text{km} + 20\text{km}$$

$$= 34 \text{ km}$$

∴ Laluan jalan yang membolehkan Chong Ling sampai ke zoo dalam masa yang paling singkat adalah: Rumah – Balai Polis – Kedai Runcit – Zoo.

能够帮助忠灵以最短的时间到达动物园的路线是：家 – 警察局 – 杂货店 – 动物园。

$$\left. \begin{array}{l} 10\text{kg} + 15\text{kg} = 25\text{kg} \\ 15\text{kg} + 8\text{kg} = 23\text{kg} \\ 7\text{kg} + 10\text{kg} = 17\text{kg} \end{array} \right\} \begin{array}{l} 3 \text{ kali} \\ (3 \text{ 次}) \end{array}$$

atau  
或

$$\left. \begin{array}{l} 10\text{kg} + 10\text{kg} = 20\text{kg} \\ 15\text{kg} + 8\text{kg} = 23\text{kg} \\ 7\text{kg} + 15\text{kg} = 22\text{kg} \end{array} \right\} \begin{array}{l} 3 \text{ kali} \\ (3 \text{ 次}) \end{array}$$

atau  
或

$$\left. \begin{array}{l} 10\text{kg} + 15\text{kg} = 25\text{kg} \\ 15\text{kg} + 7\text{kg} = 22\text{kg} \\ 8\text{kg} + 10\text{kg} = 18\text{kg} \end{array} \right\} \begin{array}{l} 3 \text{ kali} \\ (3 \text{ 次}) \end{array}$$

∴ Bilangan ulang-alik minimum yang diperlukan oleh Peter untuk mengangkut kesemua barang-barang tersebut ke keretanya adalah 3 kali.

彼得最少必须来回 3 次，才能够把所有的物品搬到他车子里。

7. Bilangan Jalur Gemilang: 2010, Bilangan bendera negeri Sarawak: 1950

国旗的数量: 2010, 砂拉越州旗的数量: 1950

$$(2010 + 1950 = 3960)$$

atau  
或

Bilangan Jalur Gemilang: 2026, Bilangan bendera negeri Sarawak: 1907

国旗的数量: 2026, 砂拉越州旗的数量: 1907

$$(2026 + 1907 = 3933)$$

atau  
或



Bilangan Jalur Gemilang: 2001, Bilangan bendera negeri Sarawak: 1999  
国旗的数量: 2001, 砂拉越州旗的数量: 1999  
(2001 + 1999 = 4000)

dan lain-lain jawapan yang munasabah  
及其它合理的答案

8. Oleh sebab jarak antara setiap destinasi mengikut urutan dalam perjalanan tersebut adalah sama, jadi setiap laluan antara satu destinasi ke destinasi yang seterusnya adalah RM24.

由于每个根据顺序的目的地的距离是一样的, 因此每段路程的车费是 RM24。

$$\text{RM24} + \text{RM24} + \text{RM24} = \text{RM72}$$

Untuk laluan pertama, iaitu dari sekolah ke kedai kasut, Ali, Muthu dan Xiao Hong telah mengambil laluan tersebut, jadi setiap orang perlu membayar sebanyak RM8 untuk laluan tersebut.

对于第一段路程, 那就是从学校到鞋店, 阿里、木都和小宏都用了那段路, 所以每个人都须付 RM8。

$$\text{RM8} + \text{RM8} + \text{RM8} = \text{RM24}$$

Untuk laluan yang kedua, iaitu dari kedai kasut ke kedai buku, Muthu dan Xiao Hong mengambil laluan tersebut, jadi mereka berdua masing-masing perlu membayar RM12 untuk laluan.

对于第二段路程, 那就是从鞋店到书店, 木都和小宏都用了那段路, 所以他们俩各自都须付 RM12。

$$\text{RM12} + \text{RM12} = \text{RM24}$$

Untuk laluan yang ketiga, iaitu dari kedai buku ke pasaraya, hanya Xiao Hong yang mengambil laluan tersebut, jadi dia perlu membayar RM24 untuk laluan tersebut.

对于第三段路程, 那就是从书店到超级市场, 只有小宏都用了那段路, 所以他须付 RM124。

Tambang yang perlu dibayar oleh Ali  
阿里所须付的车费

$$= \text{RM8}$$

Tambang yang perlu dibayar oleh Muthu  
木都所须付的车费

$$\begin{aligned} &= \text{RM8} + \text{RM12} \\ &= \text{RM20} \end{aligned}$$

Tambang yang perlu dibayar oleh Xiao Hong  
小宏所须付的车费

$$\begin{aligned} &= \text{RM8} + \text{RM12} + \text{RM24} \\ &= \text{RM44} \end{aligned}$$

Oleh itu, Ali perlu membayar sebanyak RM8, Muthu perlu membayar sebanyak RM20 dan Xiao Hong perlu membayar sebanyak RM44.

因此，阿里须付 RM8，木都须付 RM20，而小宏须付 RM44。

Semakan (检查) :

$$RM8 + RM20 + RM44 = RM72$$

## Rujukan

- Abdul Halim Amat. (2013, Jun 13). Addition. Add numbers. Matematik super - master halim - tambah nombor [Fail Video]. Diperoleh daripada [https://www.youtube.com/watch?v=igg2KS7H\\_bM](https://www.youtube.com/watch?v=igg2KS7H_bM)
- AC Black Books. (2010, July 29). Using the number lines for addition with ages 8-9 [Video File]. Retrieved from [https://www.youtube.com/watch?v=yZOuTQeU0\\_w](https://www.youtube.com/watch?v=yZOuTQeU0_w)
- Bakhtiar Rashidi. (2009). Penggunaan partial sums dalam membantu murid pemulihan khas menjawab operasi tambah dengan mengumpul semula. Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/PEM/8%20bakhtiar.pdf>
- Daniel William Cole. (2013, May 24). Addition by counting on [Video File]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=PUY072JHE4g>
- David & Cynthia Thomas. (2009). Number & operations for teachers. Retrieved from [http://math-ed.com/NO/NO\\_2\\_1\\_reading1.htm](http://math-ed.com/NO/NO_2_1_reading1.htm)
- Donna Boucher. (2012, October 17). Recording addition on a hundred chart. Retrieved from <http://mathcoachscorner.blogspot.com/2012/10/recording-addition-on-hundred-chart.html>
- Dr. Lam Kah Kei, Johari Bapokutty & Johnson Savarimuthu. (2012). *Modul pembelajaran MTE3106 Resos dalam Matematik*. Institut Pendidikan Guru: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- D. Schmidt. (n.d.). Written algorithms for whole-number operations. Retrieved from <http://www3.delta.edu/pglutz/SayKnowMath/MTH092/mathalgorithms.pdf>
- Jalani Hussain *et al.* (2012). *Modul pembelajaran MTE3107 Pengajaran dan Pembelajaran dalam Matematik*. Institut Pendidikan Guru: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Modul abakus dan arimetik mental*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Nur Shaliza Yussoff. (2009). Kaedah pengajaran operasi penambahan dalam mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid. Diperoleh dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2009/18%20Nur%20Shazlina.pdf>
- Ramuald Muntiol. (2011, Disember 23). Bengkel bijak nombor bagi matematik sekolah-sekolah rendah tahap 1. Diperoleh dari <http://www.slideshare.net/RamualdMuntiol/konsep-tambah>

**TOPIK 3**  
**Pendaraban**


乘法

**3.1 Contoh Nota Pembelajaran Peta Pemikiran (i-Think)**

思维图学习笔记例子


**1. Ciri-Ciri Pendaraban**

乘法的特点




## 2. Konsep Pendaraban

### 乘法的概念



3. Membina Kumpulan Sama Banyak dengan Menggunakan Gambar

应用图片为辅助教材，组成相等数量的组合



#### 4. Tambah Berulang Secara Dua-Dua

连加法算式：两个两个地加

$2 + 2$	△	$2 + 2 + 2$	△	$2 + 2 + 2 + 2$	△	$2 + 2 + 2 + 2 + 2$
-----		-----		-----		-----
$2 \times 2$	as	$3 \times 2$	as	$4 \times 2$	as	$5 \times 2$

Setara Dengan  
相等

---

Faktor  
Penghubungan  
连接因素

$2 + 2$  adalah setara dengan  $2 \times 2$ .  
 $2 + 2$  相等于  $2 \times 2$ .

Laman web (网站)

#### 5. Pendaraban antara Dua Nombor yang Berbeza untuk Mendapatkan Jawapan yang Sama

以不同的两个数目进行乘法以得到相同的答案

Pendaraban untuk memperoleh 20  
计算出 20 的乘法

$1 \times 20$

$10 \times 2$        $2 \times 10$

**20**


$4 \times 5$        $5 \times 4$

$20 \times 1$

Buku Teks (课本)

6. Perbandingan antara Dua Operasi Darab yang Saling Mengubah Susunan Nombor yang Didarabkan (Diubah suai dari Peta Buih Berganda)


调换算式中乘数与被乘数的位置，以做出比较



7. Memilih Cara yang Sesuai untuk Menyelesaikan Masalah

选择适当的方法回答问题 (Diubah suai dari Peta Alir)

Memastikan Cara 18 dari 3.2 sesuai untuk menyelesaikan  $21 \times 25$  dan mencari jawapan  
 确保可以使用 3.2 里第十八个方法计算  $21 \times 25$ ，并找出答案





### 3.2 Strategi/Kaedah/Teknik/Cara

策略/方法/技巧

#### 1. Cara 1 (方法一) : Model Gandaan Set (Raizatul Rashid, n.d.)

- Darab bermaksud tambah berulang-ulang. Hasil darab dapat dikira dengan menambahkan sesuatu nombor berulang kali.  
乘法可被解释为重复地加。某数目重复地加以计算出积。

- Contoh (例子) :

i.  $3 \times 2$



Nombor 2 ditambah berulang sebanyak tiga kali, iaitu  $2 + 2 + 2 = 6$ .

2将被重复地加三次，即是 $2 + 2 + 2 = 6$ 。

#### 2. Cara 2 (方法二) : Model Turus (Ziana Qalesya, 2012)

- Darab boleh dijalankan berpandukan gambar, iaitu objek disusun dalam baris dan turus. Hasil darab dikira dengan menambahkan bilangan objek dalam setiap turus sebanyak n kali (Katakan  $n =$  bilangan turus).

乘法可根据图片来进行，即把物体排列成排和列。每一列里物体的数量重复地加 n 次（假设  $n =$  列的数量）。

- Contoh (例子) :

i.  $5 \times 3$

Baris 1


( 第一排 )

Baris 2

( 第二排 )

Baris 3

( 第三排 )



Turus 1

( 第一列 )

Turus 2

( 第二列 )

Turus 3

( 第三列 )

Turus 4

( 第四列 )

Turus 5

( 第五列 )

Bilangan objek dalam setiap turus ialah 3, bilangan turus ialah 5. Oleh itu,  $3 + 3 + 3 + 3 + 3 = 15$ .

每一列里物体的数量是 3，列的数量是 5。所以， $3 + 3 + 3 + 3 + 3 = 15$ 。

### 3. Cara 3 (方法三) : Algoritma Standard (Tiada pengarang dan tahun)

➤ Algoritma ini dilaksanakan dalam bentuk lazim.  
此算法运用直式算法。

➤ Contoh (例子) :

i.  $57 \times 3$

$$\begin{array}{r} 57 \\ \times 3 \\ \hline 21 \\ 15 \\ \hline 171 \end{array} \quad \begin{array}{l} \rightarrow 7 \times 3 = 21 \\ \rightarrow 5 \times 3 = 15 \end{array}$$

ii.  $347 \times 24$

$$\begin{array}{r} 347 \\ \times 24 \\ \hline 1388 \\ 694 \\ \hline 8328 \end{array} \quad \begin{array}{l} \rightarrow 347 \times 4 = 1388 \\ \rightarrow 347 \times 2 = 694 \end{array}$$

### 4. Cara 4 (方法四) : Algoritma Separa (Tiada pengarang dan tahun)

➤ Algoritma ini menjalankan pendaraban secara berpisah, iaitu memisahkan nombor dua digit mengikut nilai tempat.  
此算法将分开进行乘法，即是将二位数的数目按数位分开。

➤ Contoh (例子) :

i.  $57 \times 3$

57 dicerakinkan kepada 50 dan 7.  $50 \times 3$  dan  $7 \times 3$  dikira secara berasingan. Kedua-dua hasil darab ditambahkan untuk mendapatkan jawapan.

57被分为50和7。 $50 \times 3$ 和 $7 \times 3$ 分别计算出积后，再将两者加起来以得到答案。

$$\begin{array}{r} 50 \\ \times 3 \\ \hline 150 \end{array} \quad \begin{array}{r} 7 \\ \times 3 \\ \hline 21 \end{array} \quad \begin{array}{r} 150 \\ + 21 \\ \hline 171 \end{array}$$

### 5. Cara 5 (方法五) : Pendaraban Bergambarajah (Tiada pengarang dan tahun)

➤ Katakan dua nombor yang terlibat dalam pendaraban sebagai  $a$  dan  $b$ .  
假设乘法里的两个数目为  $a$  和  $b$ 。

➤ Langkah (步骤) :


- Berdasarkan nilai tempat puluh nombor  $a$ , lukis garisan condong ke kanan.  
根据  $a$  的十位数，画出倾向右方的斜线。
- Berdasarkan nilai tempat sa nombor  $a$ , lukis garisan selari di bahagian bawah kanan.  
根据  $a$  的个位数，在该线条的右下方画出平行线。
- Berdasarkan nilai tempat puluh nombor  $b$ , lukis garisan selanjat di bahagian bawah kiri.  
根据  $b$  的十位数，在左下方画出垂直于之前的线条的斜线。
- Berdasarkan nilai tempat sa nombor  $b$ , lukis garisan selari di bahagian atas kanan.  
根据  $b$  的个位数，在右上方画出相同的平行线。
- Kira bilangan titik persilangan di setiap kawasan.  
点算各区的交叉点数量。

- Titik persilangan di kawasan paling kanan mewakili digit bagi nilai tempat sa, titik persilangan di kawasan sebelah kirinya mewakili digit bagi nilai tempat puluh, titik persilangan di kawasan seterusnya mewakili digit bagi nilai tempat ratus, dan seterusnya. Jika mendapat nombor dua digit, tambahkan digit bagi nilai tempat puluh ke digit kiri.

最右边的交叉点数量代表个位数，其左边交叉点的和代表十位数，再左边交叉点的和代表百位数，以此类推。若得到二位数的数目，十位数将加至前一个位数。


➤ Contoh (例子) :

i.  $22 \times 13$



$$\therefore 22 \times 13 = 286$$

ii.  $21 \times 54$



$$\therefore 21 \times 54 = 1134$$

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10


## 6. Cara 6 (方法六) : Kaedah Kekisi (Tiada pengarang dan tahun)

### ➤ Langkah (步骤) :

- Berdasarkan bilangan digit, bina kekisi untuk dua nombor yang terlibat dalam pendaraban.  
根据相乘数目的位数，画出适合的格子。
- Dua nombor ditulis di bahagian atas dan kanan kekisi secara berasingan.  
把数目分别写在格子的上方和右方。
- Lukis garisan pepenjuru bagi setiap kotak kecil dari sudut atas kanan ke sudut bawah kiri.  
在每个小格里，从右上角至左下角画上对角线。
- Setiap kotak kecil diisi dengan hasil darab digit di atas dan di kanan kotak. Nilai tempat puluh di atas pepenjuru dan nilai tempat sa di bawah pepenjuru. Jika hasil darab tidak mempunyai nilai tempat puluh, kotak pepenjuru atas diisi dengan digit sifar.  
每个小格将填上格子 上方和右方的积。十位数写在 对角线的上方，个位数写在 对角线的下方。若没有十位数，对角线上方的格子就填上 0。
- Tambah semua digit sepanjang garisan pepenjuru bermula dari sudut kanan bawah. Jika mendapat hasil tambah dua digit, tambahkan digit bagi nilai tempat puluh ke nombor sebelah kiri.  
从右下角开始，沿着对角线把小格里的号码加起来。若得到二位数的答案，把十位数加至左边的数目。


### ➤ Contoh (例子) :

i.  $12 \times 13$



$$\therefore 12 \times 13 = 156$$

ii.  $24 \times 14$



**7. Cara 7 (方法七) : Kaedah Pendaraban Mesir (Tiada pengarang dan tahun)**

➤ Langkah (步骤) :

- Binakan dua lajur, dan dua nombor yang terlibat dalam pendaraban ditulis sebagai kepala lajur.  
画出两个列，把相乘的数目写为列的标题。
- Dalam lajur pertama, mula dengan nombor 1 dan gandakannya dalam baris seterusnya. Pengandaan diteruskan sehingga mendapat nombor seterusnya akan melebihi nombor dalam kepala lajur.  
在第一列、第一排里写上数目 1，并在下一排写上数目 1 的双倍，以此类推，一直到下一个数目会大过列的标题。
- Dalam lajur kedua, mula dengan nombor dalam kepala lajur. Gandakan nombor tersebut dalam baris seterusnya.  
在第二列、第一排里写上列的标题，并在下一排写上该数目的双倍，以此类推。
- Carikan kombinasi nombor dalam lajur pertama untuk mendapatkan hasil tambah yang sama dengan nombor dalam kepala lajur.  
从第一列里，找出数目组合的和是与列的标题相等的。
- Potongkan baris di mana nombor dalam lajur pertama tidak terlibat dalam kombinasi nombor.  
把第一列里数目不在数目组合里的排删除。
- Tambahkan nombor yang baki dalam lajur kedua untuk mendapatkan jawapan.  
在第二列里，不被删除的数目加起来以得到答案。

Contoh (例子) :

i.  $124 \times 14$

124	14	
1	14	
2	28	
4	56	56
8	112	112
16	224	224
32	448	448
64	896	+ 896
<del>128</del>	<del>124</del>	<u>1736</u>

$\therefore 124 \times 14 = 1736$

**8. Cara 8 (方法八) : Kaedah Pendaraban *Russian Peasant* (Tiada pengarang dan tahun)**

➤ Langkah (步骤) :

- Binakan dua lajur, dan dua nombor yang terlibat dalam pendaraban ditulis sebagai kepala lajur.  
画出两个列，把相乘的数目写为列的标题。
- Dalam lajur pertama, mula dengan nombor dalam kepala lajur. Bahagikan nombor tersebut dengan dua dalam baris seterusnya sehingga mendapat nombor 1. Jika nombor dalam lajur pertama ialah nombor ganjil, abaikan baki selepas pembahagian.  
在第一列、第一排里写上列的标题，并在下一排把该数目除二，一直到得到数目 1。  
若第一列里的数目是奇数，在除二过后丢下余数。
- Dalam lajur kedua, mula dengan nombor dalam kepala lajur. Gandakan nombor tersebut dalam baris seterusnya.  
在第二列、第一排里写上列的标题，并在下一排写上该数目的双倍，以此类推。
- Potongkan baris jika nombor dalam lajur pertama adalah nombor genap.  
若第一列里的数目是偶数，把相关的一排删除。
- Tambahkan nombor yang baki dalam lajur kedua untuk mendapatkan jawapan.  
在第二列里，不被删除的数目加起来以得到答案。

Contoh (例子) :

i.  $124 \times 14$

124	14	
124	14	
62	28	56
31	56	112
15	112	224
7	224	448
3	448	+ 896
1	896	1736

$\therefore 124 \times 14 = 1736$

**9. Cara 9 (方法九) : Diubah suai (tecmath, 2014)**

➤ Katakan  $a \times 5$ .  
假设  $a \times 5$ 。

➤ Langkah (步骤) :

- $a$  dibahagi dengan 2.  
 $a$ 先除以 2。
- Darabkan nombor yang diperoleh dengan 10.  
将得到的数目乘以 10。

➤ Contoh (例子) :

i.  $18 \times 5$

Langkah 1:  $18 \div 2 = 9$

Langkah 2:  $9 \times 10 = 90$

Kesimpulan:  $18 \times 5 = 90$

ii.  $57 \times 5$

Langkah 1:  $57 \div 2 = 28.5$

Langkah 2:  $28.5 \times 10 = 285$

Kesimpulan:  $57 \times 5 = 285$

➤ Catatan (备注) :

- Hanya melibatkan dua nombor.  
只涉及两个数目。
- Pendaraban antara mana-mana nombor dengan 5.  
任何数目与 5 的乘法。

**10. Cara 10 (方法十) : Diubah suai (tecmath, 2014)**

- Katakan  $a \times 25$ .  
假设  $a \times 25$ .
- Langkah (步骤) :
- $a$  dibahagi dengan 4.  
 $a$ 先除以 4。
  - Darabkan nombor yang diperoleh dengan 100.  
将得到的数目乘以 100。
- Contoh (例子) :
- i.  $16 \times 25$   
Langkah 1:  $16 \div 4 = 4$   
Langkah 2:  $4 \times 100 = 400$   
Kesimpulan:  $16 \times 25 = 400$
- ii.  $57 \times 25$   
Langkah 1:  $57 \div 4 = 14.25$   
Langkah 2:  $14.25 \times 100 = 1425$   
Kesimpulan:  $57 \times 25 = 1425$
- Catatan (备注) :
- Hanya melibatkan dua nombor.  
只涉及两个数目。
  - Pendaraban antara mana-mana nombor dengan 25.  
任何数目与 25 的乘法。

**11. Cara 11 (方法十一) : Diubah suai (Ibrahim Md Noor, Ahmad Basri Md Yusof & Mohd. Jeffri Othman, 2006)**

- Katakan  $a \times 50$ .  
假设  $a \times 50$ .
- Langkah (步骤) :
- $a$  dibahagi dengan 2.  
 $a$ 先除以 2。
  - Darabkan nombor yang diperoleh dengan 100.  
将得到的数目乘以 100。
- Contoh (例子) :
- i.  $16 \times 50$   
Langkah 1:  $16 \div 2 = 8$   
Langkah 2:  $8 \times 100 = 800$   
Kesimpulan:  $16 \times 50 = 800$
- ii.  $57 \times 50$   
Langkah 1:  $57 \div 2 = 28.5$   
Langkah 2:  $28.5 \times 100 = 2850$   
Kesimpulan:  $57 \times 50 = 2850$



- Catatan (备注) :
- Hanya melibatkan dua nombor.  
只涉及两个数目。
  - Pendaraban antara mana-mana nombor dengan 50.  
任何数目与 50 的乘法。

**12. Cara 12 (方法十二) : Diubah suai (Ibrahim Md Noor, Ahmad Basri Md Yusof & Mohd. Jeffri Othman, 2006)**

- Katakan  $a \times 75$ .  
假设  $a \times 75$ 。

- Langkah (步骤) :
- $a$  didarab dengan 3.  
 $a$ 先乘以 3。
  - Bahagikan nombor yang diperoleh dengan 4.  
将得到的数目除以 4。
  - Darabkan nombor yang diperoleh dengan 100.  
将得到的数目乘以 100。

- Contoh (例子) :

i.  $16 \times 75$

Langkah 1:  $16 \times 3 = 48$

Langkah 2:  $48 \div 4 = 12$

Langkah 3:  $12 \times 100 = 1200$

Kesimpulan:  $16 \times 75 = 1200$

ii.  $57 \times 75$

Langkah 1:  $57 \times 3 = 171$

Langkah 2:  $171 \div 4 = 42.75$

Langkah 3:  $42.75 \times 100 = 4275$

Kesimpulan:  $57 \times 75 = 4275$

- Catatan (备注) :
- Hanya melibatkan dua nombor.  
只涉及两个数目。
  - Pendaraban antara mana-mana nombor dengan 75.  
任何数目与 75 的乘法。

### 13. Cara 13 (方法十一) : (Bill Handley, 1996)

- Katakan  $a \times b$ .  
假设  $a \times b$ .
- Langkah (步骤) :
  - Kirakan beza antara  $a$  dengan 10 ( $c$ ).  
找出  $a$  与 10 的差 ( $c$ ) 。
  - Kirakan beza antara  $b$  dengan 10 ( $d$ ).  
找出  $b$  与 10 的差 ( $d$ ) 。
  - Digit bagi nilai tempat puluh: Beza antara  $a$  dan  $d$ , atau beza antara  $b$  dan  $c$ .  
十位数:  $a$  和  $d$  的差 或  $b$  和  $c$  的差。
  - Digit bagi nilai tempat sa: Hasil darab  $c$  dan  $d$ . Jika mendapat nombor dua digit, tambahkan digit bagi nilai tempat puluh ke nombor dari langkah sebelumnya.  
个位数:  $c$  和  $d$  的积。若得到二位数的答案, 把十位数加至上一个步骤的数目。
- Contoh (例子) :
  - i.  $7 \times 8$
  - Langkah 1:  $c = 10 - 7 = 3$
  - Langkah 2:  $d = 10 - 8 = 2$
  - Langkah 3:  $a - d = 7 - 2 = 5$
  - Langkah 4:  $c \times d = 3 \times 2 = 6$
  - Kesimpulan:  $7 \times 8 = 56$
- Catatan (备注) :
  - Hanya melibatkan dua nombor yang mempunyai satu nilai tempat sahaja.  
只涉及两个单位数的数目。
  - $1 \leq a, b \leq 9$ .

### 14. Cara 14 (方法十四) : (Bill Handley, 1996)

- Katakan  $a \times b$ .  
假设  $a \times b$ .
- Langkah (步骤) :
  - Kirakan beza antara  $a$  dengan 100 ( $c$ ).  
找出  $a$  与 100 的差 ( $c$ ) 。
  - Kirakan beza antara  $b$  dengan 100 ( $d$ ).  
找出  $b$  与 100 的差 ( $d$ ) 。
  - Digit bagi nilai tempat ribu dan ratus: Beza antara  $a$  dan  $d$ , atau beza antara  $b$  dan  $c$ .  
千位数和百位数:  $a$  和  $d$  的差 或  $b$  和  $c$  的差。
  - Digit bagi nilai tempat puluh dan sa: Hasil darab  $c$  dan  $d$ .  
十位数和个位数:  $c$  和  $d$  的积。

- Contoh (例子) :
  - i.  $96 \times 97$
  - Langkah 1:  $c = 100 - 96 = 4$
  - Langkah 2:  $d = 100 - 97 = 3$
  - Langkah 3:  $a - d = 96 - 3 = 93$
  - Langkah 4:  $c \times d = 4 \times 3 = 12$
  - Kesimpulan:  $96 \times 97 = 9312$

- Catatan (备注) :
  - Hanya melibatkan dua nombor yang mempunyai dua nilai tempat sahaja.  
只涉及两个二位数的数目。
  - $91 \leq a, b \leq 99$ .

**15. Cara 15 (方法十五) : Diubah suai (tecmath, 2011)**

- Katakan  $a \times b$ .  
假设  $a \times b$ .

- Langkah (步骤) :
  - Digit bagi nilai tempat ratus : Darabkan digit bagi nilai tempat puluh dari kedua-dua nombor.  
百位数 : 把两个数目的十位数相乘。
  - Digit bagi nilai tempat sa : Darabkan digit bagi nilai tempat sa dari kedua-dua nombor.  
个位数 : 把两个数目的个位数相乘。
  - Digit bagi nilai tempat puluh : Darabkan digit bagi nilai tempat puluh dari  $a$  dengan digit bagi nilai tempat sa dari  $b$  untuk mendapat satu nombor. Darabkan digit bagi nilai tempat puluh dari  $b$  dengan digit bagi nilai tempat sa dari  $a$  untuk mendapat satu nombor lagi. Tambahkan kedua-dua nombor.  
十位数 : 将 $a$ 的十位数乘以 $b$ 的个位数以得到一个数目。将 $b$ 的十位数乘以 $a$ 的个位数以得到另一个数目。将两个数目相加。
  - Jika mendapat nombor dua digit, tambahkan digit bagi nilai tempat puluh ke digit kiri.  
若得到二位数的答案, 把十数位加至左边的数目。

- Contoh (例子) :
  - i.  $21 \times 32$

	Langkah (步骤)	Ribu (千)	Ratus (百)	Puluh (十)	Sa (个)
1	$2 \times 3$	0	6		
2	$1 \times 2$	0	0	0	2
3	$(2 \times 2) + (1 \times 3)$	0	0	7	
4	(Tambah semua nombor) Jumlah		6	7	2

ii.  $98 \times 76$

	Langkah (步骤)	Ribu (千)	Ratus (百)	Puluh (十)	Sa (个)
1	$9 \times 7$	6	3		
2	$8 \times 6$	0	0	4	8
3	$(9 \times 6) + (8 \times 7)$	1	1	0	
4	(Tambah semua nombor) Jumlah	7	4	4	8

➤ Catatan (备注) :

- Hanya melibatkan dua nombor yang mempunyai dua nilai tempat sahaja.  
只涉及两个二位数的数目。

### 16. Cara 16 (方法十六) : (tecmath, 2014)

➤ Katakan  $a \times b$ .

假设  $a \times b$ 。

➤ Langkah (步骤) :

- Digit bagi nilai tempat : Darabkan digit bagi nilai tempat puluh dari kedua-dua nombor, selepas itu tambah dengan digit bagi nilai tempat sa dari nombor pertama.  
千位数和百位数 : 把两个数目的十位数相乘, 之后加上第一个数目的个位数。
- Digit bagi nilai tempat : Darabkan digit bagi nilai tempat sa dari kedua-dua puluh dan sa nombor.  
十位数和个位数 : 把两个数目的个位数相乘。

➤ Contoh (例子) :

i.  $63 \times 43$

Langkah 1:  $(6 \times 4) + 3 = 27$

Langkah 2:  $3 \times 3 = 9$

 妈妈准备了一张长 40 cm，宽 30 cm 的长方形纸板用来制作一个开放式的长方形礼盒。4 个边长 3 cm 的正方形从四个角落切割。之后，根据上图沿着虚线将礼盒折好。这礼盒的体积是多少？

(Diubah suai Winnie Tan, 2001)



8. Terdapat satu padang segi empat tepat 50 m x 30 m di belakang rumah saya. Ibu saya ingin menanam bunga di bahagian tengah padang tersebut seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas. Cari luas tengah padang tersebut.


我家屋后有一片长 50 m 宽 30 m 的长方形空地，妈妈要在空地中间种一些花如上图。请问中间空地的面积是多少？

(Diubah suai dari Kelvin Yoo, Francis Lim, Anna Rimba & Denny Ki, 2003)

9. Satu tangki segiempat tepat mempunyai 25 cm panjang dan 20 cm lebar mengandungi 4.5 liter air. Apabila logam kubus telah dimasukkan ke dalam tangki, kedalaman air telah meningkat ke 11 cm. Cari panjang bagi kubus tersebut.

一个长 25 cm 及 宽 20 cm 的长方形的水桶装入了 4.5 公升的水。当一个正方体金属被丢进水桶里，水的深度上升至 11 cm。找出正方体的长度。


(Winnie Tan, 2000)



10. Ayah telah membeli sebiji pizza besar seperti gambar di atas untuk dibahagikan kepada anak-anaknya secara adil. Berapakah keping pizza yang dapat dibahagikan? Berapakah keping pizza yang didapati oleh setiap anaknya?

上图显示爸爸买了一大粒披萨平方给他的孩子们。披萨可以分成几片？每个孩子又可以得到几片披萨？


(Diubah suai dari Tan Son Nan, Looi Liew Min, Tan Pei Pei & Loh Hui Li, 2012)



11. Rajah di atas telah menunjukkan dua segi empat tepat yang sama besar, iaitu gabungan dua karpet di atas lantai. Segi empat sama yang tidak berlerek merupakan bahagian untuk meletakkan meja. Berapakah luas kawasan karpet yang boleh diduduk?

以上图形显示 2 张地毯并由 2 个相同的长方形所组成的。没有涂黑的部分是用来摆放桌子的。请问还可以用来坐的地毯的面积是多少？

(Diubah suai dari Aziz Mamat, 2013)



12. Rajah di atas menunjukkan tiga jenis bakteria di bawah mikroskop, iaitu bakteria A, bakteria B dan bakteria C. Bakteria manakah yang menunjukkan luas yang paling besar? Beri alasan anda.

上图显示显微镜下 3 种不同类型的菌如甲菌、乙菌及丙菌。哪一种菌的面积最大？请说出理由。

Berikan cadangan cara untuk membuat anggaran untuk mendapatkan luas bagi bakteria C.

请列出能够用来估计丙菌的面积的方法。

(Diubah suai dari Kementerian Pelajaran, 2013)

13. Khairi ingin membina pagar bagi reban ayam yang berbentuk segi empat. Dia mempunyai 24 meter wayar pagar. Apakah luas segi empat yang boleh dihasilkan oleh Khairi? Manakah bentuk yang terbaik? Mengapa?

凯里想要建造一个四方形的鸡寮篱笆。他拥有 24 米的铁丝网。凯里可以建造的四方形的鸡寮篱笆的面积是多少？哪一种架构最适当？为什么？

(Kementerian Pelajaran, 2013)

## Jawapan soalan-soalan berelemen KBAT

### 高层次思维技能题目的答案

1. a) 9 kotak  
9 个盒子
- b) 16 kotak  
16 个盒子
2. 8 kombinasi mahluk asing  
8 种组合的外星人
3. a) 5 petak  
5 个正方形
- b) 14 petak  
14 个正方形
- c) 30 petak  
30 个正方形
4. a) 24 dinding  
24 面墙
- b)

Saiz segi empat 正方形的大小	0:0	1:1	2:2	3:3	4:4
Bilangan dinding 墙壁的数量	0	4	12	24	40

- c) 220 dinding  
220 面墙
- d) Mereka mempunyai bahan yang mencukupi untuk membina 10:10 segi empat dan memenangi permainan komputer ini.  
他们拥有足够的材料来建造 10:10 的正方形并在电脑游戏中胜出。
5. 204 segi empat sama  
204 个正方形
6. 22 sudut tegak  
22 个直角
7. Isipadu kotak tersebut ialah  $2448 \text{ cm}^3$ .  
该礼盒的体积是  $2448 \text{ cm}^3$ 。
8. Luas tengah padang tersebut ialah  $1196 \text{ cm}^2$ .  
中间空地的面积是  $1196 \text{ cm}^2$ 。
9. Panjang bagi kubus tersebut ialah 10 cm.  
正方体金属的长度是 10 cm。
10. Semua jawapan munasabah diterima. Paksi simetri bagi bulat adalah tak terhingga.  
所有合理的答案都可以接受。圆形的对称轴是无限的。
11. Luas kawasan karpet yang boleh diduduk ialah  $122 \text{ cm}^2$ .  
还可以用来坐的地毯面积是  $122 \text{ cm}^2$ 。
12. Luas bakteria B adalah paling besar kerana ia meliputi kawasan yang paling banyak. Dengan meletakkannya atas kertas grid.  
乙菌的面积最大因为它占据了最多的空间。将它放在方格纸上。
13. Luas yang boleh dihasilkan ialah  $36 \text{ m}^2, 35 \text{ m}^2, 32 \text{ m}^2, 27 \text{ m}^2, 22 \text{ m}^2$ , dan  $20 \text{ m}^2$ .  
凯里可以建造  $36 \text{ m}^2, 35 \text{ m}^2, 32 \text{ m}^2, 27 \text{ m}^2, 22 \text{ m}^2$ , 及  $20 \text{ m}^2$  的四方形鸡寮篱笆。

Bentuk segi empat sama,  $6\text{ m} \times 6\text{ m}$  yang paling baik kerana ia merupakan luas yang paling besar, iaitu  $36\text{ m}^2$  dan boleh menampung bilangan ayam yang terbesar.

$6\text{ m} \times 6\text{ m}$  的正方形架构最适当因为它拥有最大的面积，那就是 $36\text{ m}^2$  也能容纳得下最多的鸡。

## RUJUKAN

- 5-14 Mathematics – Problem Solving & Enquiry. (n.d.). *"I can solve problems"*. Diperoleh dari <http://www.greenfaulds.n-lanark.sch.uk/Greenfaulds%20Department/mathematics/ICanSolveProblemsComp.pdf>.
- Audrey Han. (2013, April 28). *Prisma segitiga*. Diperoleh dari <http://prisma-segitiga-smp.blogspot.com/>.
- Aziz Mamat. (2013, November 24). *Matematik soalan kertas 2 KBAT*. Diperoleh dari <http://azimatmate.blogspot.com/2013/11/matematik-soalan-kertas-2-kbat.html>.
- Cecillia Wong Yick Yim. (2012). *Teknik pengajaran dan pembelajaran matematik tahap 2*. Diperoleh dari <http://www.slideshare.net/cikguwongyickyim/teknik-pengajaran-dan-pembelajaran-matematik-tahap-2>
- Faizah Ramly. (2011, Disember 11). *Formula pengiraan luas*. Diperoleh dari <http://amazingmaths2011.blogspot.com/2011/12/formula-pengiraan-luas.html>.
- HC Masters(M) Sdn.Bhd. (1996). *Poligon sekata*. Diperoleh dari <http://csc.columbusstate.edu/summers/pendidik/math/psekata.htm>
- Jabatan Pelajaran Kementerian Selangor. (2011). *Program peningkatan prestasi peperiksaan akhir tahun 2011*. Diperoleh dari <http://myschoolchildren.files.wordpress.com/2012/12/mate-k1-2-form-2-pat-2011-selangor-s.pdf>.
- Kelvin Yoo, Francis Lim, Anna Rimba & Denny Ki. (2003). *Topical revision in mathematics for primary four*. Singapore: Singapore Asian Publications (S) Pte Ltd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Kursus jurulatih utama pemantapan pedagogi matematik*. Diperoleh dari <http://www.slideshare.net/sifatpgsr/slot-2-kbat>.
- KeyCurriculumPress. (2012, Jun 5). *The geometer's sketchpad® 5: constructing parallel and perpendicular lines*. Diperoleh dari <https://www.youtube.com/watch?v=rAtIsOKgtYs>.
- Kong Mee Nguk. (2012, Disember 7). *Latihan pengukuhan: bentangan 3D*. Diperoleh dari <http://kongmeenguk.blogspot.com/2012/12/latihan-pengukuhan-bentangan-3d.html>.
- Larry. (2013). *Parallel and perpendicular lines*. Diperoleh dari <http://www.mathwithlarry.com/lessons/lesson081.htm>.
- Lau Pai Hong. (2007). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah matematik tahun 6 buku teks*. Kuala Lumpur: Hypersurf Corporation Sdn. Bhd..

- Lau Pai Hong. (2007). *Kurikulum bersepadu sekolah rendah matematik tahun 5 buku teks jilid ii*. Kuala Lumpur: Hypersurf Corporation Sdn. Bhd..
- National Council Of Educational Research And Training. (n.d.). *Visualising solid shapes*. Diperoleh dari <http://www.ncert.nic.in/ncerts//gemh115.pdf>.
- Noraini. (2009, Disember 7). *Sudut*. Diperoleh dari <http://kekelipan.blogspot.com/2009/12/sudut.html>.
- NZuriadah Abdul Rahman. (2011). *Ciri-ciri bentuk 2D*. Diperoleh dari <http://www.scribd.com/doc/59778870/Ciri-Ciri-Bentuk-2D>.
- Ooi Eng Hooi & Lee Kah Kiong. (2010). *Matematik tahun 1 sekolah jenis kebangsaan (cina) buku teks (jilid 2)*. Kuala Lumpur: UPA Press Sdn. Bhd..
- Ooi Eng Hooi & Lee Lah Liong. (2010). *Matematik tahun 1 buku teks jilid 2*. Kuala Lumpur: UPA Press Sdn. Bhd..
- Padey. (2010, Jun 18). *Panduan melukis polygon*. Diperoleh dari <http://panduanlukispoligon.blogspot.com/> <http://panduanlukispoligon.blogspot.com/>.
- Prof. Katak. (2010, Januari 21). *Poligon*. Diperoleh dari <http://terjahmaths.blogspot.com/2010/01/salam-semua.html>.
- Roy Phipps. (2002). *Understanding primary science*. Birmingham: The Questions Publishing Company Ltd.
- Roziana Jusoh. (2012). *Bab 3 lukisan teknik ting 2*. Diperoleh dari <http://www.slideshare.net/RozianaJusoh/bab-3-lukisan-teknik>.
- Rumus hitung. (2013). *Simetri lipat berbagai bangun datar*. Diperoleh dari <http://rumushitung.com/2013/05/01/simetri-lipat-bangun-datar/>.
- Shamsudin. (2012, January 12). *Kekeliruan menamakan prisma*. Diperoleh dari <http://cikgushamsudin.blogspot.com/2012/01/kekeliruan-menamakan-prisma.html>.
- Sundoklawangje. (2012, Disember 20). *Bab 11 (solid geometri)*. Diperoleh dari <https://cikgumultiskill.wordpress.com/category/bab-11-solid-geometri/>.
- Tan Son Nan, Looi Liew Min, Lee Kheng Nie, Teh Lian Kiow, Lim Chew Yian & Loh Hui Li. (2013). *Matematik tahun 4 sekolah jenis kebangsaan (cina) buku teks*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd..
- Tan Son Nan, Looi Liew Min, Tan Pei Pei & Loh Hui Li. (2012). *Matematik tahun 3 sekolah jenis kebangsaan (cina) buku teks (jilid 2)*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd..




- Teo Ching. (2014). *Poligon*. Diperoleh dari <http://www.slideshare.net/teohiching/poligon-33158403>.
- The Ai Choo. (2011, November 11). *Jenis bentuk dwimatra (2 dimensi) dan ciri-cirinya*. Diperoleh dari <http://riariabelajar.blogspot.com/search/label/Bentuk%20%20Dimensi%20dan%20Ciri-cirinya>.
- The Ai Choo. (2011, November 27). *Perimeter*. Diperoleh dari <http://riariabelajar.blogspot.com/2011/11/perimeter.html>.
- The Ai Choo. (2011, November 6). *Jenis bentuk trimatra (3 dimensi) dan ciri-cirinya*. Diperoleh dari <http://riariabelajar.blogspot.com/search/label/Bentuk%20%20Dimensi%20dan%20Ciri-cirinya>.
- University of Cambridge. (n.d.). *Take the right angle*. Diperoleh dari <http://nrich.maths.org/1159>.
- Wahida Wahab. (2011, Desember 11). *A+ Matematik (Tahun 3)*. Diperoleh dari <http://wawabt6.blogspot.com/2011/12/1-3-d-shapes-bentuk-3-matra-consist-of.html>.
- Winnie Tan. (1999). *Mathematics for primary 6*. Singapore: Chung Printing.
- Winnie Tan. (2000). *Practice your maths primary 6*. Singapore: Federal Publication.
- Wong Sik Whye, Wong Chau Hun & Poh Yoke Siam. (2011). *Matematik tahun 2 buku teks jilid 2*. Kuala Lumpur: H&K Educational Sdn. Bhd..
- Yusliza Mat Yusuf. (2011, November). *Bentuk 2 dimensi*. Diperoleh dari <http://cikguyusliza.blogspot.com/>.




**TOPIK 11**  
**单元十一**  
**Penyelesaian Masalah**  
**应用题**

**11.1 Contoh Nota Pembelajaran Peta Pemikiran (*i-Think*)**  
**思维图学习笔记例子**


1. **Kepentingan penyelesaian masalah (Diubah suai dari peta dakap)**  
**应用题的重要性**




2. Apa yang kamu tahu tentang penyelesaian masalah? Bagaimana kamu tahu?  
应用题是什么? 你怎么知道的?




3. Aktiviti-aktiviti yang dikelaskan sebagai penyelesaian masalah (Diubah suai dari peta buih)  
应用题的活动




4. Syarat-syarat untuk menyelesaikan masalah  
解答应用题所需的条件




5. Halangan penyelesaian masalah (Diubah suai dari peta buih)  
解答应用题所遇到的阻碍




6. Sebab murid tidak dapat menyelesaikan masalah (Diubah suai dari peta dakap)  
学生无法解答应用题的原因



7. Masalah yang senang dan rumit (Diubah suai dari peta pokok)  
容易和复杂的问题



8. Proses penyelesaian masalah  
解答应用题的过程





## 11.2 Strategi / Kaedah / Teknik 策略 / 方法 / 技巧

1. Cara 1 (方法一) : Model Polya 波利亚模式 (Muhamad Rafizi Hambali, Izharnizam Ibrahim, Rimas Aslih dan Mohd Yusof Abdul Karim, 2009)  
Model Polya merupakan model penyelesaian masalah Matematik yang dibina oleh George Polya. George Polya telah memperkenalkan satu model penyelesaian masalah dalam bukunya "*How to Solve It*" yang memberi tumpuan teknik penyelesaian masalah yang menarik dan juga prinsip pembelajaran matematik dapat dipindahkan sebaik mungkin. Model ini membabitkan empat fasa utama iaitu:  
波利亚模式是由波利亚建立的解决数学问题的模式。波利亚在他的书中"*How to Solve It*"推出了一项解决数学问题的模式，注重有趣解决问题的技巧，数学学习的原理也可完整被转移。该模式涉及四个主要阶段，即：
  - i) Memahami dan mentafsir sesuatu masalah  
理解和解释一项问题
  - ii) Merancang / membentuk strategi penyelesaian  
计划 / 设计解决方案
  - iii) Melaksanakan strategi penyelesaian  
实施该解决方案
  - iv) Menyemak semula penyelesaian  
检查

### i. Memahami dan mentafsir sesuatu masalah 理解和解释一项问题

Pada peringkat ini, murid akan dibimbing untuk mengenal pasti kata-kata kunci dan menerangkan masalah. Murid juga hendaklah mengaitkan dengan masalah lain yang serupa dengan melukis gambarajah dan bertanyakan beberapa soalan.

在这个阶段中，学生将被引导确定关键词和解释问题。学生还必须画图表以联系其他类似的问题，并问几个问题。

Dalam memahami dan mentafsir masalah yang dikemukakan Polya, beliau mengatakan langkah awal dalam penyelesaian masalah ialah murid perlu memahami dahulu masalah yang diberikan. Murid perlu mengenal pasti:

波利亚提出的在理解和解释问题当中，他说明在解决问题的第一步是学生首先必须了解所给的问题。学生必须确定：

- i. Apa yang diberikan, nombor-nombor, bentuk-bentuk perkaitan dan nilai-nilai yang terlibat?  
问题给了什么题目，关连性和有相关的数目？
- ii. Apa yang perlu dicari? Di sini guru telah membantu murid memahami masalah dengan menyoal beberapa soalan yang telah disediakan. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan panduan kepada pelajar untuk memahami masalah yang kompleks iaitu:  
需要找什么？在这里，教师通过提问问题的方式帮助学生理解问题。这里有几项事件可以作为指导学生以了解复杂的问题的方法，即：
  - Tanya soalan  
提问问题
  - Terangkan masalah dengan perkataan sendiri  
使用自己的字语解释问题
  - Kaitkan dengan masalah lain yang hampir sama  
联系其他类似的问题
  - Fokus pada bahagian yang penting  
注重于重要的部分
  - Buat model

- 创建一个模型
- Lukis rajah  
画图表

## ii. Merancang / membentuk strategi penyelesaian

### 计划 / 设计解决方案

Selepas murid memahami soalan tersebut, guru membimbing murid untuk merancang strategi yang sesuai dengan permasalahan yang diberikan. Terdapat beberapa jenis strategi penyelesaian masalah mengikut Polya. Antaranya ialah membuat simulasi, melukis gambarajah, membuat carta, mengenal pasti pola, cuba jaya, menggunakan analogi dan sebagainya. Dalam langkah ini, penyelesaian pelajar perlu mengenal pasti:

在学生理解问题之后，教师引导学生根据所提出的问题设计适当的策略。根据波利亚，解决问题有几种策略。其中是创建模拟，图表，识别模式，反复测验，使用类比等。在此步骤中，学生需要确认：

- a) Apakah operasi yang terlibat?  
所涉及到的运算法是什么？
- b) Apakah heuristik / algoritma yang diperlukan?  
所需要的启发式 / 算法是什么？

Berikut adalah beberapa heuristik / strategi yang perlu dikembangkan kepada pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran penyelesaian masalah matematik iaitu:

这里有一些在解决数学问题教学过程中须传达给学生的启发式 / 算法，即：

- Teka dan uji / cuba jaya  
猜测与测试 / 试验对错
- Menggunakan gambar rajah  
使用图表
- Memudahkan masalah  
简化问题
- Mencari pola / corak  
寻找模式 / 样式
- Membina jadual  
创建图表
- Uji kaji dan simulasi  
检查测试和创建模拟
- Kerja secara songsang / bekerja ke belakang  
逆向算法 / 逆运算
- Menyiasat semua kemungkinan  
检查所有可能性
- Mengetahui pasti "subgoal"  
确定目标
- Membuat analogi  
做一个类比
- Menyusun data / maklumat  
整理数据 / 信息

Pemberian pelbagai bentuk masalah matematik kepada pelajar akan membentuk keyakinan mereka dalam pengendalian masalah-masalah tersebut. Dalam merancang strategi kita juga perlu:

提供各种形式的数学问题有助于学生发展自己在处理问题时的信心。在策划策略时，我们还应该：

- a) Pertimbangan beberapa heuristik / strategi / algoritma  
考虑一些启发式 / 策略 / 算法

- b) Bandingkan dengan masalah yang hampir sama  
与类似的问题做比较

### iii. Melaksanakan strategi penyelesaian

#### 实施该解决方案

Sebaik saja penyelesaian masalah telah dirancang, murid boleh melaksanakan strateginya untuk menyelesaikan masalah. Dalam hal ini, murid-murid hendaklah menghuraikan langkah-langkah penyelesaiannya secara bersistematik untuk mendapat jawapan yang betul. Untuk melaksanakan heuristik, strategi penyelesaian perlu dibuat berdasarkan kepada perancangan yang telah dirancang pada awalnya, iaitu:

一旦解决问题的方案已设计，学生可以实行策略来解决问题。此时，学生必须有条理地说明解决方案的步骤以得到正确的答案。要实行启发式，解决方案的策略应根据已策划的策略，即：

- Terjemahkan maklumat yang diberi itu kepada bentuk matematik  
翻译所提供的资料至数学形式
- Laksanakan heuristik atau strategi pada langkah perancangan dan jalankan semua proses dan pengiraan yang terlibat  
在策划的步骤中实行启发式或策略和实行所有涉及到的计算步骤
- Semak setiap langkah heuristik / strategi yang digunakan  
检查所有所使用的启发式或策略

### iv. Menyemak semula penyelesaian

#### 检查

Akhirnya, murid boleh menyemak semula penyelesaian tersebut untuk menentukan sama ada jawapannya munasabah atau tidak. Di samping itu, murid boleh menyemak jawapan dengan menggunakan cara yang lain untuk menyelesaikan masalah matematik yang sama atau menggunakan cara sonsang seperti jawapan yang diperoleh daripada operasi bahagi boleh disemak dengan operasi darab. Semasa menyemak semula, beberapa perkara perlu diberi perhatian supaya cara penyelesaian masalah yang dilaksanakan oleh pelajar adalah logik walaupun strategi yang digunakan berbeza-beza. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa penyemakan iaitu:

最后，学生可以检查解决算式以确定答案是否合理。此外，学生可以通过其他方法来解决相同的数学问题或使用逆向算法以检查答案，如可以用乘法运算来检查除法运算的问题以检查答案。在检查时，须注重几项事情以确保即使使用了不同的策略但解决模式是合理的。以下是在做检查时须重视的事件，即：

- a) Semak semua maklumat penting yang telah dikenal pasti  
检查所有已确认的重要资料
- b) Semak pengiraan  
检查算式
- c) Pertimbangkan penyelesaian yang logik  
考虑合理的解决方式
- d) Lihat penyelesaian yang lain  
参考其他解决方式
- e) Baca semula soalan dan tanya diri sendiri sama ada kita benar-benar telah menjawab soalan  
再读过问题并问自己是否已回答问题

Contoh 1: Kampung Mesra mempunyai 20292 orang penduduk, Kampung Sayang mempunyai 58260 orang penduduk dan Kampung Harmoni mempunyai 2900 orang

penduduk. Berapakah jumlah penduduk yang terdapat dalam ketiga-tiga kampung tersebut?

例子一：亲善村有 20292 位村民，爱心村有 58260 位村民，和平村有 2900 位村民。亲善村、爱心村和和平村总共有多少位村民？

Penyelesaian:

解答：

i) Memahami dan mentafsir sesuatu masalah

理解和解释一项问题

Kampung Mesra mempunyai 20292 orang penduduk, Kampung Sayang mempunyai 58260 orang penduduk dan Kampung Harmoni mempunyai 2900 orang penduduk. Carikan jumlah penduduk yang terdapat dalam ketiga-tiga kampung tersebut.

亲善村有 20292 位村民，爱心村有 58260 位村民，和平村有 2900 位村民。找出亲善村、爱心村和和平村共有的村民人数。

ii) Merancang / membentuk strategi penyelesaian

计划 / 设计解决方案

Menggunakan penambahan.

用加法

$$20292 + 58260 + 2900 = \underline{\hspace{2cm}}$$

iii) Melaksanakan strategi penyelesaian

实施该解决方案

$$\begin{array}{r} 20292 \\ 58260 \\ + 2900 \\ \hline 2 \\ 150 \\ 1300 \\ 10000 \\ 70000 \\ \hline 81452 \end{array}$$

∴ Jumlah penduduk yang terdapat dalam ketiga-tiga kampung tersebut ialah 81452 orang.

亲善村、爱心村和和平村总共有 81452 位村民。

iv) Menyemak semula penyelesaian

检查

$$20292 + 58260 + 2900 = 81452$$

Contoh 2: Abu telah membeli sebuah kereta mainan yang berharga RM50. Dia ternampak sebuah helikopter mainan yang berharga tiga kali ganda daripada kereta mainan yang telah dibelinya. Berapakah harga helikopter mainan tersebut?

例子二：阿布买了一辆价格为 RM50 的玩具车。他看到了一架玩具直升机而它的价格是他所买的玩具车的三倍。玩具直升机的价格是多少？

Penyelesaian:

解答：

i) Memahami dan mentafsir sesuatu masalah

理解和解释一项问题

Abu telah membeli sebuah kereta mainan yang berharga RM50. Dia ternampak sebuah helikopter mainan yang berharga tiga kali ganda daripada kereta mainan yang telah dibelinya. Carikan harga helikopter mainan tersebut.

阿布买了一辆价格为 RM50 的玩具车。他看到了一架玩具直升机而它的价格是他所买的玩具车的三倍。找出玩具直升机的价格。

ii) Merancang / membentuk strategi penyelesaian

计划 / 设计解决方案

Menggunakan pendaraban.

用乘法

$$RM50 \times 3 = \underline{\hspace{2cm}}$$

iii) Melaksanakan strategi penyelesaian

实施该解决方案

$$\begin{array}{r} 50 \\ \times 3 \\ \hline 150 \end{array}$$

∴ Harga helikopter mainan tersebut ialah RM150.

玩具直升机的价格是 RM150。

iv) Menyemak semula penyelesaian

检查

$$RM150 \div 3 = RM50$$

2. Cara 2 (方法二) : Model Bar (Farizan Ismail, 2012) (Lau Siu Hee, n.d.)

Kaedah Model Bar adalah satu strategi pengajaran yang telah dibangunkan di Singapura untuk masalah Matematik berayat. Kaedah Model Bar ini dikenali juga sebagai lukisan model atau kaedah model yang mana ia adalah pembinaan gambar rajah bar daripada masalah matematik berayat. Kaedah Model Bar terdiri daripada empat model.

Model Bar 是已在新加坡开发的数学应用题的教学策略。Model Bar 也被称为图形模型或模型方法，那就是从数学应用题建立模型图。Model Bar 被分为四种模式。

**Model bahagian dan seluruh (tambah dan tolak) 部分和整体模式 (加和减)**

Contoh 1: 134 orang kanak-kanak perempuan dan 119 orang kanak-kanak lelaki mengambil bahagian dalam pertandingan seni. Berapakah orang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan seni tersebut?

例子一：134 位女生和 119 位男生参加美术比赛。总共有多少位小孩参加了艺术比赛？


(Jackson, B., n.d.)

Penyelesaian:

解答：

Kita mengetahui bahawa terdapat dua bahagian. Untuk mencari keseluruhannya, kita perlu menambah nilai 134 dan nilai 119.

我们知道有两个部分。要找到整体而言，我们须把 134 和 119 加起来。



$$134 + 119 = 253$$

$$\begin{array}{r} 1 \\ 134 \\ + 119 \\ \hline 253 \end{array}$$

∴ 253 orang kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam pertandingan seni tersebut.

总共有 253 位小孩参加了艺术比赛。

**Model bahagian dan seluruh (darab dan bahagi) 部分和整体模式 (乘和除)**

Contoh 2: Devi menyimpan RM8 seminggu selama 5 minggu. Berapakah jumlah wang yang telah disimpan oleh dia?

例子二：德维连续五周每周存 RM8。他总共存了多少钱？


(Jackson, B., n.d.)

Penyelesaian:

解答：

Kita mengetahui nilai bagi satu bahagian dan bilangan bahagian. Untuk mencari keseluruhannya, kita mendarab  $8 \times 5$ .

我们知道一个部份值多少，也知道部件的数量。为了寻找答案，我们乘  $8 \times 5$ 。



$$\begin{array}{r} 8 \times 5 = 40 \\ 8 \\ \times 5 \\ \hline 40 \end{array}$$

∴ Jumlah wang yang telah disimpan oleh dia ialah RM40.

他总共存了 RM40。


**Model perbandingan (tambah dan tolak) 比较模式 (加和减)**

Contoh 3: Panjang tali A adalah 234 cm manakala panjang tali B ialah 198 cm. Berapakah lebihnya panjang tali A berbanding dengan tali B, dalam cm?

例子三：绳子 A 长 234 厘米，绳子 B 长 198 厘米。绳子 A 比绳子 B 长多少厘米？

Penyelesaian:

解答：



∴ Panjang tali A adalah 36 cm lebih panjang berbanding dengan tali B.  
 绳子 A 比绳子 B 长 36 厘米。


**Model perbandingan (darab dan bahagi) 比较模式 (乘和除)**

Contoh 4: Dalam suatu pertandingan rentas desa, pelari terakhir telah mencatat masa sebanyak 153 minit. Catatan masa bagi pelari pertama adalah tiga kali ganda lebih cepat daripada catatan masa pelari terakhir. Berapakah catatan masa bagi pelari pertama?

例子四：在了一项越野跑当中，最后一位参赛者所记录的时间是 153 分钟。第一位参赛者所记录的时间比最后一位参赛者所记录的时间提早三倍。第一位参赛者所记录的时间是多久？

Penyelesaian:

解答：



$$\begin{array}{r} 51 \text{ minit} \\ 3 \overline{) 153 \text{ minit}} \\ \underline{15} \\ 3 \\ \underline{3} \\ 0 \end{array}$$

∴ Catatan masa bagi pelari pertama ialah 51 minit.  
 第一位参赛者所记录的时间是 51 分钟。

3. Cara 3 (方法三) : Strategi melukis gambar rajah (Lai Kim Leong, 2007)

Melakar dan melukis gambar rajah adalah satu strategi yang boleh membantu dalam penyelesaian masalah. Murid dapat menterjemahkan masalah dalam bentuk matematik dengan melukis rajah atau gambar yang sesuai kerana gambar rajah menjadi perantara antara konkrit dan abstrak. Gambar rajah yang dilukis haruslah kemas, tepat dan mengikut skala.

画图表是一种可以帮忙解决问题的策略。学生可以用画图表来诠释数学问题，因为图表是联系具体和抽象的媒介。所画的图表应该要整齐，准确和根据比例。

Untuk kuantiti kecil yang berbentuk diskrit, maklumat boleh diwakilkan dengan menggunakan bentuk-bentuk mudah seperti bulatan dan segiempat sama.

对于较小数量的离散形式，可以用简单的形状，例如圆形和正方形来代表资料。

Contoh 1: Harga bagi empat biji epal dan lapan biji oren ialah RM11. Jika harga bagi setiap dua biji epal itu ialah RM1.50, berapakah harga bagi tiga biji oren itu?

例子一：四粒苹果和八粒橙的价格是 RM11。如果每两粒苹果的价格是 RM1.50，问三粒橙的价格是多少？

Penyelesaian:

解答：





∴ 180 bungkus roti yang ada di dalam kedai itu.  
那间店有 180 袋面包。

4. Cara 4 (方法四) : Strategi mengurus maklumat dalam carta, jadual atau graf (Tiada pengarang dan tahun)

Strategi ini membantu mempamerkan maklumat dalam bentuk carta, jadual dan graf supaya ia boleh dibaca dan ditafsirkan dengan cepat dan mudah. Maklumat ini boleh dipamerkan sebagai piktograf, carta bar atau graf garis. Anda perlu mahir membaca carta, jadual ataupun graf untuk mendapatkan maklumat dan kemudian belajar bagaimana membina carta tersebut untuk melaporkan maklumat. Strategi ini membolehkan anda melihat hubungan dan pola maklumat.

这个策略是把资料呈现在图表形式，以便能够快速和简单的阅读和判断。资料可以通过象形图，条图或线图呈现。你要学会读图表以得到资料。之后，学会如何制作图表。这个策略帮助你看清资料之间的关系和模式。

Contoh 1: Keluasan suatu segiempat tepat ialah  $150 \text{ cm}^2$ . Panjang dan lebarnya adalah nombor bulat. Apakah dua nilai yang mungkin bagi panjang dan lebarnya? Apakah nilai bagi perimeter yang terkecil?

例子一：一个长方形的面积是  $150 \text{ cm}^2$ 。它的长和宽是整数。问它的长和宽有可能是多少？问最小的周长是多少？

Penyelesaian:

解答：

Bina satu jadual panjang dan lebar seperti berikut:

制作一个如下的长和宽的表格：

Lebar 宽, cm	1	2	3	5	6	10
Panjang 长, cm	150	75	50	30	25	15
Perimeter 周长, cm	302	154	106	70	62	50

∴ Dari jadual di atas, nilai-nilai yang mungkin bagi lebar dan panjang segiempat tepat telah ditunjukkan. Perimeter yang terkecil ialah 50 cm.

从上述表格可以看出长和宽有可能的数目。最小的周长是 50 cm。

Contoh 2: Encik Adam menghantar keretanya ke sebuah kedai untuk ditukar tayar dan dilengkapi dengan beberapa alat tambahan. Dia telah membeli lima buah tayar yang berharga RM200 setiap satu, empat unit rim aloi yang berharga RM1940 semuanya, satu set penutup tempat duduk yang berharga RM355 dan jumlah harga pewangi sebanyak RM42 yang mana setiap satu berharga RM14. Encik Adam membayar dengan 34 keping wang kertas RM100. Berapakah baki wang yang diterimanya?

例子二：阿丹先生把他的车子送去一间店换轮胎及配置一些零件。他买了五个价值 RM200 的轮胎，四个总价值 RM1940 的铝合金轮毂，一套价值 RM355 的座套，和价值 RM42 的香水。每瓶香水价值 RM14。阿丹先生付了 34 张 RM100 的纸币。请问他能得到多少余额？

(cik kuntom, 2012)

Penyelesaian:

解答：

Senaraikan semua item, bilangan dan kos seunit dalam sebuah jadual.

在表格中列出全部的物品，数目和其单价。

Kuantiti 数量	Barang 物品	Harga Seunit 单价	Jumlah Harga 总价格
5 buah 五个	Tayar 轮胎	RM200	<b>RM1000</b>
4 unit 四个	Rim aloi 铝合金轮毂	<b>RM485</b>	RM1940

1 set 一套	Penutup tempat duduk 座套	RM355	<b>RM355</b>
<b>3 botol 三瓶</b>	Pewangi 香水	RM14	RM42
JUMLAH 总和			RM3337

Jumlah wang yang dimiliki oleh Encik Adam 阿丹先生拥有的钱

$$= 34 \times \text{RM}100$$

$$= \text{RM}3400$$

$$\text{Baki wang 余额} = \text{RM}3400 - \text{RM}3337$$

$$= \text{RM}63$$

∴ Baki wang yang diterima oleh Encik Adam ialah RM63.

阿丹先生能得到的余额是 RM63。

5. Cara 5 (方法五) : Strategi mencari pola (Tiada pengarang dan tahun)

Apabila anda menggunakan strategi ini, anda dikehendaki mencari pola dalam data atau maklumat yang diberikan. Seterusnya, buat ramalan dan generalisasi berdasarkan analisis anda. Suatu pola ialah pengulangan sistematik yang tetap. Ia mungkin dalam bentuk angka, visual atau perlakuan. Dengan mengenalpasti pola, anda boleh meramalkan apa akan berlaku seterusnya. Selalunya membina jadual dari maklumat akan mendedahkan suatu pola, dan strategi membina jadual kerap digunakan bersama dengan strategi ini.

当你使用这个策略时，你需在所给的资料中寻找模式。之后，根据分析做出预测和总结。模式是有系统的重复。它的形式会出现在数字，视觉或举止上。确认模式后，你可预测接下来会发生什么。把资料制作成表格可看出一种模式。制作表格策略经常和这个策略一起使用。

Contoh 1: Lina menyimpan wang sebanyak RM7 dalam tabung wangnya pada minggu pertama. Minggu dua pula dia pula menyimpan RM10. Minggu ketiga dia menyimpan RM14. Minggu keempat dia menyimpan RM19. Lina akan menyimpan berapa wang pada minggu yang ketujuh?

例子一：莉娜第一个星期存了 RM7。第二个星期她存了 RM10。第三个星期她存了 RM14。第四个星期她存了 RM19。莉娜在第七个星期会存多少钱？

Penyelesaian:

解答：

Cari pola untuk mencari wang-wang yang disimpan oleh Lina pada minggu-minggu seterusnya.

找出模式以便找出莉娜在接下来的几个星期内存的钱。

Minggu ke 第几星期	1	2	3	4	5	6	7
RM	7	10	14	19	25	32	40



∴ Lina akan menyimpan RM40 pada minggu yang ketujuh.

莉娜在第七个星期会存 RM40。

Contoh 2: Masa untuk Murid A pergi ke sekolah ialah 3 minit. Masa untuk Murid B, C, D dan E pergi ke sekolah pula adalah sebanyak dua kali ganda murid sebelumnya. Berapakah masa untuk Murid E pergi ke sekolah?

例子二：学生 A 去学校用了 3 分钟。学生 B, C, D 和 E 去学校的时间是前面学生的两倍。学生 E 用了多少时间去学校？

Penyelesaian:

解答:

Murid 学生	Masa untuk pergi ke sekolah, minit 去学校用的时间, 分钟
A	3
B	6
C	12
D	24
E	48

∴ Masa untuk Murid E pergi ke sekolah ialah 48 minit.  
学生 E 用了 48 分钟去学校。

6. Cara 6 (方法六) : Strategi bekerja secara songsang (Tiada pengarang dan tahun)  
Bagi sesetengah masalah, adalah lebih mudah bekerja secara songsang, iaitu dengan menggunakan penyelesaian akhir untuk melihat bagaimanakah proses di awal penyelesaian tersebut untuk mendapatkan jawapannya.  
有些问题用逆运算来作答比较容易。逆运算是用最后的答案来解答。

Contoh 1: Amira mengambil beberapa batang pen dari sebuah kotak. Grace mengambil 13 batang pen dari pen yang diambil oleh Amira. Ken mengambil separuh daripada bilangan pen yang tinggal. Bilangan pen yang tinggal untuk Amira ialah 11 batang. Berapakah jumlah asal bilangan pen yang diambil oleh Amira pada awalnya?

例子一: 阿米拉从一个盒子中拿了几支笔。格雷司从阿米拉那儿拿了 13 支笔。肯恩拿了剩下的一半。阿米拉剩下 11 支笔。试问阿米拉最初拿了多少支笔?

Penyelesaian:

解答:

Masalah ini boleh diselesaikan dengan bermula daripada bilangan pen yang tinggal dan bekerja secara songsang untuk mendapatkan jawapannya.

这个问题可从剩下的笔逆运算来算出答案。

Bilangan pen yang tinggal (剩下的笔)  $\Rightarrow 11$

Tambah dengan pen yang diambil oleh Ken (加上肯恩拿的笔)  $\Rightarrow 11 + 11 = 22$

Tambah dengan pen yang diambil oleh Grace (加上格雷司拿的笔)  $\Rightarrow 22 + 13 = 35$

∴ Pada awalnya Amira mengambil 35 batang pen dari kotak.

最初阿米拉从箱子中拿了 35 支笔。

Contoh 2: Jackie menunggang motosikal dari Bandar A ke Bandar C. Dia mengambil masa selama 1 jam 15 minit menunggang dari Bandar A ke Bandar B, kemudian dari Bandar B ke Bandar C mengambil masa selama 30 minit. Dia tiba di Bandar C pada pukul 5: 35 p.m.. Bilakah Jackie meninggalkan Bandar A?

例子二: 杰克从 A 城市骑摩托车到 C 城市。他用了 1 小时 15 分钟从 A 城市骑摩托车到 B 城市。之后, 用了 30 分钟从 B 城市到 C 城市。他在下午 5 时 35 分到达 C 城市。杰克什么时候离开 A 城市?

Penyelesaian:

解答:

5: 35 p.m – 30 minit – 1 jam 15 minit = 3: 50 p.m.

下午 5 时 35 分 – 30 分钟 – 1 小时 15 分钟 = 下午 3 时 50 分钟

∴ Jackie meninggalkan Bandar A pada pukul 3: 50 p.m..

杰克下午 3 时 50 分钟时离开 A 城市。

7. Cara 7 (方法七) : Strategi simulasi / melakonkan (Tiada pengarang dan tahun)  
 Kadangkala sesuatu masalah itu sukar digambarkan atau dikenalpasti prosedur yang sesuai untuk menyelesaikannya. Melakonkan situasi masalah itu mungkin boleh membantu menyelesaikan masalah tersebut. Anda boleh menggunakan orang atau objek sebenar seperti yang diceritakan dalam masalah tersebut atau mewakilinya dengan objek lain. Strategi ini sangat efektif untuk kanak-kanak.  
 有时候有些问题很难用描述或适合的程序来解决。表演法可以帮助解决问题。你可用人或实物来表演，或用其他东西来代表。这个策略对儿童很有效。

Contoh 1: Ada lima orang dalam sebuah bilik dan setiap orang akan berjabat tangan dengan setiap orang sekali. Berapakah bilangan 'jabat tangan' yang dibuat dalam bilik tersebut.


例子一：一间房间里有五个人。每个人会和房里的每一位握手一次。试问在那间房间里进行了多少次握手？

Penyelesaian:

解答：

Dengan bantuan empat orang sahabat, lakonkan situasi masalah ini. Dua orang akan berjabat tangan, ini akan dikira sebagai jabat tangan pertama. Kemudian tiga orang akan berjabat tangan sesama mereka. Perhatikan berapa bilangan jabat tangan yang dibuat apabila tiga orang melakukannya. Seterusnya, ulang proses yang sama untuk empat orang. Catatkan bilangan jabat tangan yang berlaku.

找四个朋友帮忙表演这情况。两个人先握手，这算第一个握手。之后，三个人之间握手。看看三个人握手的次数。接下来，四个人握手。记录握手的次数。




Setelah melakonkan semula situasi masalah tersebut didapati berlaku satu jabat tangan untuk dua orang, tiga jabat tangan untuk tiga orang dan enam jabat tangan untuk empat orang. Sekiranya anda orang yang kelima, anda akan berjabat tangan dengan setiap daripada empat orang tadi. Maka, jumlah jabat tangan ialah  $6 + 4 = 10$ .  
 表演之后，发现两个人时握手的次数是一，三个人时握手的次数是三，四个人时握手的次数是六。如果你是第五个人，你将跟那四个人握手。因此，握手的总次数是  $6 + 4 = 10$ 。

∴ Jumlah jabat tangan yang dibuat dalam bilik tersebut ialah 10.

在那间房间里进行了 10 次握手。

Contoh 2: Apakah yang akan terjadi pada sekeping kertas yang berbentuk segiempat sama jika bahagian tengahnya digunting selepas dilipat seperti berikut?

例子二：如果一个正方形对折后中间的部分被剪成如下会如何？




Penyelesaian:

解答:

Murid menggunakan strategi simulasi untuk mendapat jawapannya.

学生用模拟情景来找出答案。



8. Cara 8 (方法八) : *Analysis method* (Tiada pengarang dan tahun)

Kaedah analisis ini biasanya untuk membantu murid untuk memikirkan langkah yang paling sesuai untuk menyelesaikan masalah matematik. Pada dasarnya, kaedah ini mengandungi beberapa langkah penyelesaian yang mana beberapa soalan yang ditanya kepada murid untuk membantu mereka membuat analisis dengan betul.

这个方法可帮助学生想到适合的解决方法。这个方法含有几个步骤。学生将被问问题以帮助他们正确的做出分析。

- Apa yang telah diberi dalam soalan? 问题中提供了什么?
- Apa yang hendak dicari dalam soalan? 问题中要找什么?
- Apakah langkah yang sesuai digunakan untuk selesaikan masalah? 什么的方法适合用来解决问题?

Dalam pendekatan kaedah analisis ini, strategi penyelesaian masalah ialah mengenalpasti maklumat dan item-item yang terkandung dalam masalah. Analisis ini biasanya untuk memudahkan murid menjawab soalan yang bersiri.

在这个分析方法当中，解决的方案是确定问题中的资料和项目。分析能方便学生回答系列式问题。

Contoh 1: Harga bersih bagi sebuah komputer berjenama ialah RM2980. Seorang jurujual telah menjual komputer tersebut dengan harga RM3400. Cari keuntungan yang diperolehi oleh jurujual tersebut?

例子一：一台电脑的原价是 RM2980。一位销售员把电脑以 RM3400 卖出。请问销售员得到了多少利润?

Penyelesaian:

解答:

1. Apa yang telah diberi? – harga bersih dan harga jual  
问题中提供了什么? – 原价和售价
2. Apa yang hendak dicari? – keuntungan  
问题中要找什么? – 利润
3. Bagaimana mencari untung? – menggunakan operasi penolakan  
怎样找利润? – 用减法

Harga bersih 原价: RM2980

Harga jual 售价: RM3400

Keuntungan 利润:  $\text{Harga Jual 售价} - \text{Harga Bersih 原价} = \text{RM3400} - \text{RM2980}$   
 $= \text{RM420}$

∴ Keuntungan yang diperolehi oleh jurujual tersebut ialah RM420.

销售员得到了 RM420 利润。

Contoh 2: Sebuah kilang menghasilkan 550300 buah televisyen dalam masa sebulan. 100 buah televisyen boleh dimuatkan dalam sebuah lori untuk diedarkan. Berapakah buah lori yang diperlukan untuk mengedar kesemua televisyen tersebut?

例子二：一家工厂在一个月內可生产 550300 台电视。一辆卡车可载送 100 台电视。请问需要多少辆卡车才可以将电视载送完毕?

Penyelesaian:

解答:

1. Apa yang telah diberi? – bilangan televisyen yang dihasilkan dan bilangan televisyen yang boleh dimuat dalam sebuah lori

问题中提供了什么? – 电视的生产数量和一辆卡车可载送的电视数量

2. Apa yang hendak dicari? – bilangan lori yang diperlukan

问题中要找什么? – 需要的卡车数量

3. Bagaimana untuk mencari bilangan lori yang diperlukan? – menggunakan operasi pembahagian

如何找出需要的卡车数量? – 用除法

Bilangan televisyen yang dihasilkan 电视的生产数量 = 550300 buah 台

Bilangan televisyen yang boleh dimuat dalam sebuah lori 一辆卡车可载送的电视数量 = 100 buah 台

Bilangan lori yang diperlukan 所需的卡车数量

= Bilangan televisyen yang dihasilkan 电视的生产数量 ÷ Bilangan televisyen yang boleh dimuat dalam sebuah lori 一辆卡车可载送的电视数量

= 550300 ÷ 100

= 5503 buah 辆

∴ 5503 buah lori diperlukan untuk mengedar kesemua televisyen tersebut.

需要 5503 辆卡车才可以将电视载送完毕。

9. Cara 9 (方法九) : *Analogy method* (Tiada pengarang dan tahun)

Kaedah analogi ini telah digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam matematik yang mana ianya mengandungi langkah penyelesaian yang sama dengan penyelesaian masalah matematik yang sebelumnya. Apabila ingin menyelesaikan masalah matematik yang baru, guru akan melakarkan pemerhatian yang dibuat oleh murid berdasarkan kepada pengalaman lepas mereka tentang soalan tersebut. Jadi mereka boleh mengaplikasikan proses penyelesaian masalah daripada apa yang telah mereka pelajari dengan menggunakan pendekatan yang sama untuk menyelesaikan masalah bagi soalan yang baru.

类推方法用于解决数学问题。它含有跟之前解决方案同样的解决方法。当要解决新的问题时，教师根据学生对题目的旧有经验做出观察。所以，学生可用已学过的方法解决新的问题。

Contoh 1: Adik ingin menukarkan 4 kg kepada unit g. Apakah jawapannya?

例子一：弟弟想把 4 公斤转换为克的单位。请问是什么答案？

Penyelesaian:

解答:

Pengalaman lepas: murid telah belajar bagaimana untuk menukarkan unit 6 km kepada m.

旧有经验：学生已学会如何把 6 公里转换为米。

Masalah baru: murid telah diarahkan untuk menukar unit 4 kg kepada g.

新问题：学生需要把 4 公斤转换为克。

Kedua-dua kaedah pertukaran unit itu adalah sama. Oleh yang demikian murid-murid ini sepatutnya boleh menggunakan strategi yang telah mereka perolehi daripada pengalaman lepas untuk menyelesaikan masalah yang baru.

那两个换算单位的方法是一样的。因此，学生可用已学过的策略来解决问题。

$6 \text{ km} = 6 \times 1000 \text{ m}$

$= 6000 \text{ m}$

Dengan menggunakan pendekatan analogi, maka

使用类推方法，所以

$$4 \text{ kg} = 4 \times 1000 \text{ g} \\ = 4000 \text{ g}$$

∴ Jawabannya ialah 4000 g.  
答案是 4000 克。

Contoh 2: Cari jawapan untuk  $4000 \div 4$ .

例子二:  $4000 \div 4$  的答案是什么?

Penyelesaian:

解答:

$8000 \div 4 = 2000$  ← Murid telah tahu membuat yang ini. 学生已会算这个。

$$4000 \div 4 = ?$$

Murid boleh membuat perbandingan: 8000 kurang setengah jadi 4000. Maka jawabannya pun kurang setengah jadi 1000.

学生可以做比较: 8000 的一半是 4000。所以, 它的答案也变一半成 1000。

∴ Jawapan adalah 1000.  
答案是 1000。

10. Cara 10 (方法十) : *Simplify the problem* (Tiada pengarang dan tahun)  
Kaedah ini merujuk kepada transformasi ayat matematik kepada bentuk bahasa matematik yang paling mudah dan ringkas.  
这个方法是把数学句子变成最简单的数学数语。

Contoh 1: Berapakah yang perlu ditolak kepada hasil darab lima dan sepuluh untuk mendapat jawabannya tiga puluh?

例子一: 什么数目需要减去五和十的积以便答案是三十?

Penyelesaian:

解答:

Untuk menyelesaikan masalah matematik di atas, kita perlu tukarkan soalan dalam bentuk ayat kepada bentuk persamaan matematik seperti berikut:

要解决上述问题, 我们需把句子变成如下的数学方程:

$$5 \times 10 - ? = 30$$

Selepas itu, kita boleh mengira jawapan. 之后, 我们可以算出答案了。

$$5 \times 10 - ? = 30$$

$$50 - ? = 30$$

$$? = 50 - 30$$

$$? = 20$$

∴ 20.

Contoh 2: Sebuah syarikat penerbitan mengagihkan 100350 buah buku cerita kepada beberapa buah perpustakaan. Setiap perpustakaan akan menerima 50 buah buku cerita. Cari bilangan perpustakaan yang menerima buku-buku tersebut.

例子二: 一家出版社将 100350 本故事书分发给数所图书馆。每所图书馆获得了 50 本故事书。请问多少所图书馆被分发了故事书?

Penyelesaian:

解答:

$$100350 \div 50 = (100000 \div 50) + (350 \div 50) \\ = 2000 + 7 \\ = 2007$$

∴ 2007 perpustakaan yang menerima buku-buku tersebut.

2007 所图书馆被分发了故事书。

11. Cara 11 (方法十一) : *Using experiment* (Tiada pengarang dan tahun)  
 Menggunakan eksperimen atau bahan untuk kajian yang melibatkan penyelesaian masalah adalah aplikasi kaedah yang paling praktikal dengan menggunakan bahan konkrit (benda maujud). Biasanya ia melibatkan tajuk isipadu, berat, pecahan, statistik dan masa.  
 通过实验来解决问题是最实践的方法（使用实物）。通常用于单元体积，重量，分数，统计和时间。

Contoh 1: Berapakah jisim bagi kamus yang diberikan?

例子一：所给的词典质量是多少？

Penyelesaian:

解答：

Murid diberikan alat penimbang dengan skala gram untuk menimbang jisim kamus yang diberikan.

学生用秤来秤出词典的质量。

Contoh jawapan 答案例子: 750 g

Contoh 2: Berapakah bilangan segiempat yang boleh dibentuk dengan menggunakan sembilan batang mancis ?

例子二：请问用九根火柴可以形成多少四角形？

Penyelesaian:


解答：

Murid menggunakan sembilan batang mancis yang diberikan untuk membentuk segiempat. Murid melakukan ujikaji.

学生用九根火柴形成四方形。学生在做实验。

Contoh segiempat yang dibentuk:

所形成的四角形例子：



∴ Bilangan segiempat yang boleh dibentuk dengan sembilan batang mancis ialah empat.

用九根火柴可以形成四个四角形。

12. Cara 12 (方法十二) : *Cuba jaya* (Tiada pengarang dan tahun)  
 Strategi ini adalah cara termudah tetapi ianya memerlukan tekaan yang bijak dan penyemakan yang tersusun untuk mendapatkan jawapan atau penyelesaian.  
 这样策略是最简单的方法，但是需要聪明的猜测。有次序的检查可以找出答案。

Contoh 1: Apakah nombor apabila dibahagi dengan 2, 3 dan 4, bakinya tetap 1?

例子一：请问什么号码被 2, 3 和 4 除后，所得到的余数都是 1？

Penyelesaian:

解答：

Murid mencuba sehingga mencari nombor yang sesuai.

学生尝试不同的号码直到找出适合的号码。

∴ 13, 25, 37...

Contoh 2: Saya ialah satu bentuk 2D. Saya terbentuk daripada enam garis lurus. Cuba teka apakah saya?




例子二：我是个平面图形。我是由六条直线形成的。猜猜我是什么？

Penyelesaian:

解答：

Murid mencuba untuk membentuk bentuk 2D yang betul.

学生尝试形成正确的平面图形。



13. Cara 13 (方法十三) : Menggunakan keadah algebra (Tiada pengarang dan tahun)  
Kaedah algebra akan membentuk beberapa persamaan dan ia dapat membantu menyelesaikan masalah matematik.  
运用代数可形成一些方程式。它能帮助解决问题。

Contoh 1: Jumlah harga sepasang kasut dan sehelai seluar panjang ialah RM70. Emak telah membeli dua pasang kasut dan tiga helai seluar panjang. Dia telah membayar RM180. Berapakah harga untuk sepasang kasut dan sehelai seluar panjang?

例子一：一双鞋子和一条长裤的总价格是 RM70。妈妈买了两双鞋子和三条长裤。她付了 RM180。一双鞋子和一条长裤的价格是多少？

Penyelesaian:

解答：

Katakan  $x$  ialah harga sepasang kasut.

一双鞋子的价格是  $x$ 。

Katakan  $y$  ialah harga sehelai seluar panjang.

一条长裤的价格是  $y$ 。

Persamaan bagi harga sepasang kasut dan sehelai seluar panjang adalah seperti berikut:

一双鞋子和一条长裤的价格的方程式如下：

$$x + y = \text{RM}70 \Rightarrow 2x + 2y = \text{RM}140 \text{ -- } \textcircled{1}$$

Persamaan bagi harga dua pasang kasut dan tiga helai seluar panjang adalah seperti berikut:

两双鞋子和三条长裤的价格的方程式如下：

$$2x + 3y = \text{RM}180 \text{ -- } \textcircled{2}$$

$$\textcircled{2} - \textcircled{1} \Rightarrow y = \text{RM}180 - \text{RM}140$$

$$y = \text{RM}40$$

$$x = \text{RM}70 - \text{RM}40$$
$$= \text{RM}30$$

∴ Harga untuk sepasang kasut ialah RM 30 dan harga untuk sehelai seluar panjang ialah RM40.

一双鞋子的价格是 RM30。一条长裤的价格是 RM40。

Contoh 2: Dalam kebun Pak Ming terdapat lembu dan ayam di mana jumlah kepala dan kaki kesemua binatang ternakan ialah 40 dan 100. Berapakah ekor lembu dan ayam dalam kebun Pak Ming?

例子二：明叔的农场里有牛和鸡。那些家禽共有 40 个头和 100 只脚。请问明叔的农场里共有多少头牛和多少只鸡？

Penyelesaian:

解答：

Katakan  $x$  ialah seekor lembu.

一头牛是  $x$ 。

Katakan  $y$  ialah seekor ayam.

一只鸡是  $y$ 。

Seekor lembu dan seekor ayam masing-masing mempunyai satu kepala.

每头牛和每只鸡各有一个头。

Maka, persamaan bagi jumlah kepala lembu dan ayam adalah seperti berikut:

所以，牛和鸡的头的方程式如下：

$$x + y = 40 \Rightarrow 2x + 2y = 80 \text{ -- ①}$$

Seekor lembu mempunyai empat kaki dan seekor ayam mempunyai dua kaki.

每头牛有四只脚和每只鸡有两只脚。

Maka, persamaan bagi jumlah kaki lembu dan ayam adalah seperti berikut:

所以，牛和鸡的脚的方程式如下：

$$4x + 2y = 100 \text{ -- ②}$$

$$\text{②} - \text{①} : 2x = 100 - 80$$

$$2x = 20$$

$$x = 10$$

$$y = 40 - 10$$

$$= 30$$

∴ Terdapat 10 ekor lembu dan 30 ekor ayam dalam kebun Pak Ming.

在明叔的农场里共有 10 头牛和 30 只鸡。

14. Cara 14 (方法十四) : Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu (Unit Matematik Rendah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) Sekiranya terdapat banyak masalah yang perlu diselesaikan, masalah kecil perlu dibuat terlebih dahulu sebelum dapat mencari jawapan yang terakhir. 假如有很多问题需要解决，那么需要解决较小的问题才能找到最终答案。

Contoh 1: Dalam sebuah kedai, harga lima batang pen ialah RM5 dan harga untuk 10 buah kotak pensel ialah RM24. Jika penjual telah menjual 34 batang pen dan 17 buah kotak pensel, berapakah jumlah wang yang dia perolehi?

例子一：一间店里，五支笔的价格是 RM5，十个笔盒的价格是 RM24。如果店员卖了 34 支笔和 17 盒笔盒，请问他赚了多少钱？

Penyelesaian:

解答：

$$RM5 \div 5 = RM1$$

$$RM24 \div 10 = RM2.40$$

} Masalah kecil diselesaikan dahulu  
先做小问题

$$34 \times RM1 = RM34$$

$$17 \times RM2.40 = RM40.80$$

$$RM34 + RM40.80 = RM74.80$$

∴ Jumlah wang yang dia perolehi ialah RM74.80.

店员赚了 RM74.80。

Contoh 2: Kakak menggunakan  $\frac{1}{4}$  daripada masa dua jam untuk membaca buku pada hari Isnin. Pada hari Selasa pula, kakak menggunakan  $\frac{2}{5}$  daripada tiga jam untuk membaca buku. Dalam dua hari tersebut, berapa lamakah masa yang digunakan oleh kakak untuk membaca buku?

例子二：星期一，姐姐用了两个小时中  $\frac{1}{4}$  的时间阅读。星期二，姐姐用了三个小时中  $\frac{2}{5}$  的时间阅读。在那两天中，姐姐共用了多少时间来阅读？

Penyelesaian:

解答：

$$\begin{aligned} \text{Isnin (星期一)} &\Rightarrow \frac{1}{4} \times 2 \text{ jam 小时} = \frac{1}{4} \times (2 \times 60 \text{ minit 分钟}) \\ &= \frac{1}{4} \times 120 \text{ minit 分钟} \\ &= 30 \text{ minit 分钟} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Selasa (星期二)} &\Rightarrow \frac{2}{5} \times 3 \text{ jam 小时} = \frac{2}{5} \times (3 \times 60 \text{ minit 分钟}) \\ &= \frac{2}{5} \times 180 \text{ minit 分钟} \\ &= 72 \text{ minit 分钟} \end{aligned}$$

$$= 1 \text{ jam 小时 } 12 \text{ minit 分钟}$$

$$\begin{aligned} \text{Isnin dan Selasa (星期一和星期二)} &\Rightarrow 30 \text{ minit 分钟} + 1 \text{ jam 小时 } 12 \text{ minit 分钟} \\ &= 1 \text{ jam 小时 } 42 \text{ minit 分钟} \end{aligned}$$


∴ Kakak telah menggunakan 1 jam 42 minit dalam dua hari tersebut untuk membaca buku.

在那两天中，姐姐共用了 1 小时 42 分钟来阅读。

15. Cara 15 (方法十五) : Guna formula (Unit Matematik Rendah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) Formula atau rumus digunakan untuk menyelesaikan masalah. 用公式来解决问题。

Contoh 1: Kirakan luas bentuk 2D di bawah yang terdiri daripada satu segiempat kaki sama dan satu segiempat sama.

例子一：算出以下由等腰三角形和正方形组成的平面图形的面积。



Penyelesaian:

解答：

Luas segiempat sama = Panjang  $\times$  Lebar

正方形的面积 = 长  $\times$  宽

Luas segitiga =  $\frac{1}{2} \times$  Panjang  $\times$  Tinggi

三角形的面积 =  $\frac{1}{2} \times$  长  $\times$  高

$$\begin{aligned} \text{Luas bentuk 2D 平面图形的面积} &= (2 \text{ cm} \times 2 \text{ cm}) + \left(\frac{1}{2} \times 2 \text{ cm} \times 1.7 \text{ cm}\right) \\ &= 4 \text{ cm}^2 + 1.7 \text{ cm}^2 \\ &= 5.7 \text{ cm}^2 \end{aligned}$$

∴ Luas bentuk 2D ialah  $5.7 \text{ cm}^2$ .

平面图形的面积是  $5.7 \text{ cm}^2$ 。

Contoh 2: Kilang A menghasilkan 50 kotak yang berbentuk kiub dalam satu jam. Panjang sisinya 20 cm. Berapakah jumlah isipadu kesemua kotak yang dihasilkan dalam satu jam?

例子二：工厂 A 在一个小时内生产了 50 个正方体的盒子。它的边长是 20 cm。请问一个小时内所生产的盒子的总体积是多少？

Penyelesaian:

解答:

Isipadu kiub = Panjang  $\times$  Lebar  $\times$  Tinggi

正方体的体积 = 长  $\times$  宽  $\times$  高

Isipadu satu kotak berbentuk kiub 一个正方体盒子的体积

$$= 20 \text{ cm} \times 20 \text{ cm} \times 20 \text{ cm}$$

$$= 8000 \text{ cm}^3$$

Isipadu 50 kotak berbentuk kiub 五十个正方体盒子的体积

$$= 50 \times 8000 \text{ cm}^3$$

$$= 400000 \text{ cm}^3$$

$\therefore$  Jumlah isipadu kesemua kotak yang dihasilkan dalam satu jam ialah 400000  $\text{cm}^2$ .

一个小时内所生产的盒子的总体积是 400000  $\text{cm}^3$ 。

16. Cara 16 (方法十六) : Mengenal pasti kemungkinan-kemungkinan (Unit Matematik Rendah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) Mengenalpasti beberapa kemungkinan penyelesaian bagi sesuatu masalah.


确认几项具有可能性的解决方案。

Contoh 1: Johan ingin menggunakan seutas dawai yang panjangnya 12 cm untuk membentuk satu rangka segiempat dengan luas yang maksimum. Apakah panjang dan lebar bentuk segiempat itu?


例子一：约翰想使用一条 12 厘米的线来建立一个拥有最大的面积的四方形的框架。此四方形的框架的长度和宽度是多少？

Penyelesaian:


解答:



$$3 \times 3 = 9 \text{ cm}^2$$



$$2 \times 4 = 8 \text{ cm}^2$$



$$1 \times 5 = 5 \text{ cm}^2$$

$\therefore$  Panjang bentuk segiempat itu ialah 3 cm manakala lebar bentuk segiempat itu ialah 3 cm.

此四方形的框架的长度是 3 厘米，宽度是 3 厘米。

Contoh 2: Antara empat nombor berikut, nombor yang mana satu adalah berlainan dengan nombor yang lain? Mengapa?

例子二：以下四个号码当中，哪一个号码和其他三个号码不同？为什么？

22220, 22223, 12225, 2225

Penyelesaian:

解答:

(a) 22223. Disebabkan tidak dapat dibahagikan dengan 5.

22223. 因为不能被 5 除得断。

(b) 12225. Disebabkan nombor adalah kurang daripada 20000.

12225。因为号码少过 20000。

(c) 2225。Disebabkan nombor mempunyai empat digit.

2225。因为号码是四位数。


17. Cara 17 (方法十七) : Guna model (Unit Matematik Rendah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013)  
Menggunakan model konkrit untuk menyelesaikan masalah.  
使用实物来解决问题。

Contoh 1: Saya ialah bentuk 3D. Saya terbentuk daripada sembilan garis lurus. Cuba teka apakah saya?

例子一：我是个立体图形。我是由九条直线形成的。猜猜我是什么？

Penyelesaian:

解答：



∴ Prisma segitiga.

三角棱柱体。

Contoh 2: Saya ialah bentuk 3D. Saya mempunyai satu permukaan. Saya tidak mempunyai garis lurus dan bucu. Cuba teka apakah saya?

例子二：我是个立体图形。我有一个平面。我没有直线和角。猜猜我是什么？

Penyelesaian:

解答：



∴ Sfera. 圆球体。

18. Cara 18 (方法十八) : Menaakul secara mantik (Unit Matematik Rendah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013)  
Menaakul secara mantik adalah menaakul secara logik untuk menyelesaikan masalah.  
逻辑性推理解决问题。

Contoh 1: Ali sedang menyertai kuiz Matematik. Salah satu soalan yang didapatinya agak mencabar adalah seperti yang berikut. Oleh itu, Ali menjawab soalan tersebut tanpa melakukan pengiraan.

例子一：阿里正在参与一项数学测验。他发现有一道如下具有挑战性的题目。因此，阿里在没有计算的情况下作答。

$$\underline{\hspace{2cm}} \div 251 = 40$$

A. 100.4

B. 1 004

- C. 10 040  
D. 100 400

Penyelesaian:

解答:

Jika 如果  $ABC \times D0 = EFGH0$

Maka 那么,  $251 \times 40 = 10040$

$$\therefore 10040 \div 251 = 40$$

Contoh 2: Ali ingin membeli pen  $x$  dan pen  $y$  di mana  $0 < x < 10$  dan  $0 < y < 10$  supaya jumlah batang pen  $x$  dan pen  $y$  yang dibeli adalah kurang daripada 10 batang. Nyatakan bilangan pasangan nilai  $x$  dan  $y$  yang mungkin supaya jumlah batang pen  $x$  dan pen  $y$  yang dibeli adalah kurang daripada 10 batang.

例子二: 阿里想买钢笔  $x$  和钢笔  $y$ , 条件是  $0 < x < 10$  和  $0 < y < 10$  以便所购买的钢笔  $x$  和钢笔  $y$  的总数少过 10 把。试说明有几对具有可能性的数目  $x$  和  $y$  以便所购买的钢笔  $x$  和钢笔  $y$  的总数少过 10 把。

Penyelesaian:

解答:

Jika  $x + y < 10$

如果  $x + y < 10$

maka (seperti di bawah)

那么 (如下)

1+8, 1+7, 1+6, 1+5, 1+4, 1+3, 1+2, 1+1,

2+7, 2+6, 2+5, 2+4, 2+3, 2+2, 2+1,

3+6, 3+5, 3+4, 3+3, 3+2, 3+1,

4+5, 4+4, 4+3, 4+2, 4+1,

5+4, 5+3, 5+2, 5+1,

6+3, 6+2, 6+1,

7+2, 7+1,

8+1

